BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

MS4 **Sorotan Penting**

MS7 **Persekitaran Ekonomi Antarabangsa**

MS9 **Perkembangan Ekonomi Malaysia**

MS19 *Rencana 1: Pertikaian Perdagangan: Implikasi Terhadap Perdagangan dan Pelaburan*

MS25 *Rencana 2: Global Slack sebagai Penentu Inflasi*

MS33 **Perkembangan Monetari dan Kewangan**

MS37 **Menguruskan Risiko kepada Kestabilan Kewangan**

MS47 **Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia**

MS49 **Prospek Makroekonomi**

MS52 *Rencana Khas: Memantapkan Kualiti dan Ketelusan Perkhidmatan kepada Pengguna Kewangan*

MS59 **Tambahan**


Sorotan Penting

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan pada S1 2018

Pertumbuhan KDNK kukuh pada 5.4%

Permintaan dalam negeri dan semua sektor ekonomi terus berkembang

Pertumbuhan KDNK Benar



Aktiviti dalam sektor swasta terus berkembang


Permintaan luar negeri menyediakan sokongan tambahan

Dari segi penawaran, sektor perkilangan dan perkhidmatan kekal sebagai pemacu penting

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras turun pada S1 2018


Inflasi keseluruhan menurun kepada 1.8% pada S1 2018...

Inflasi Keseluruhan dan Inflasi Teras



...menggambarkan kenaikan harga minyak global yang lebih kecil dan keadaan bekalan makanan dalam negeri yang mencukupi


Sumbangan kepada Inflasi Mengikut Kategori IHP



Sistem kewangan terus berdaya tahan


Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh

Kualiti Aset Sistem Perbankan



Pertumbuhan aset kewangan isi rumah terus mengatasi pertumbuhan hutang

Hutang dan Aset Kewangan Sektor Isi Rumah




Sumber: Pihak berkuasa negara, Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Untuk maklumat lanjut, layari www.bnm.gov.my

Sorotan Penting

Rencana


Pertikaian Perdagangan: Implikasi Terhadap Perdagangan dan Pelaburan

Pertikaian perdagangan boleh menimbulkan risiko pertumbuhan global yang lebih rendah



Walau bagaimanapun, dalam keadaan semasa, impak terhadap pertumbuhan global dijangka kecil

Impak mata peratusan (% tahunan)



*** Negara-negara yang dikecualikan daripada tarif keluli dan aluminium termasuk Kanada, Mexico, Korea dan kawasan Euro**


Memantapkan Kualiti dan Ketelusan Perkhidmatan kepada Pengguna Kewangan

Piagam Perkhidmatan Pelanggan yang ditambah baik dan kewujudan Indeks Kepuasan Pelanggan dijangka meningkatkan lagi kualiti dan ketelusan perkhidmatan perbankan kepada pengguna kewangan

1 Piagam Perkhidmatan Pelanggan yang Ditambah Baik

- **Teras 1** – Kenali Pelanggan Anda
- **Teras 2** – Perkhidmatan yang Cekap dan Menepati Masa
- **Teras 3** – Perkhidmatan yang Telus dan Mesra Pengguna
- **Teras 4** – Perbankan yang Mudah Diakses

2 Kaji Selidik Indeks Kepuasan Pelanggan (Customer Satisfaction Index, CSI)



Sumber: Pihak berkuasa negara, anggaran Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank Bank Dalam Malaysia, Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia, Perbadanan Produktiviti Malaysia, Bank Negara Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Untuk maklumat lanjut, layari www.bnm.gov.my

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi global terus berkembang dengan kukuh.**
- **Pertumbuhan eksport memberangsangkan, disokong oleh peningkatan yang meluas dalam permintaan global.**
- **Turun naik pasaran kewangan meningkat di tengah-tengah kebimbangan mengenai ketegangan perdagangan antara ekonomi utama.**

Pertumbuhan global terus meningkat


Pada suku pertama 2018, ekonomi global terus berkembang dengan teguh. Kebanyakan negara ekonomi utama dan serantau mencatat pertumbuhan suku tahunan yang kukuh, menunjukkan momentum pertumbuhan global yang positif berbanding dengan tahun lalu masih berterusan.

Dalam ekonomi maju, pertumbuhan didorong terutamanya oleh penggunaan swasta. Keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik telah merangsang perbelanjaan isi rumah. Kegiatan pelaburan meningkat di tengah-tengah permintaan yang kukuh, seperti yang ditunjukkan oleh Indeks Pengurus Pembelian (PMI) S1 2018 sektor perkilangan. PMI terus berkembang dengan kukuh[1] pada 59.7 di Amerika Syarikat (AS) dan 58.3 di kawasan euro.

Pertumbuhan rantau Asia disokong oleh keadaan permintaan global yang memberangsangkan, dengan beberapa ekonomi mengekalkan pertumbuhan eksport dua angka pada suku pertama. Permintaan dalam negeri terus berdaya tahan hasil sokongan pelaksanaan dasar dan perbelanjaan infrastruktur yang lebih tinggi.

Ekonomi global berkembang lebih pantas pada S1 2018

Rajah 1: Pertumbuhan KDNK




Sumber: Pihak berkuasa negara

[1] PMI Perkilangan melebihi 50 menunjukkan pengembangan.

Prestasi eksport kukuh pada S1 2018


Rajah 2: Pertumbuhan KDNK



Sumber: Pihak berkuasa negara

Ketidaktentuan tinggi dalam pasaran kewangan

Rajah 3: Index Ketidaktentuan (VIX) Chicago Board Options Exchange (CBOE)



Sumber: Bloomberg

Pertumbuhan eksport terus memberangsangkan

Perdagangan global terus berkembang dengan teguh meskipun terdapat kesan asas (base effect) yang tinggi. Ini didorong terutamanya oleh peningkatan yang meluas dalam permintaan global.

Permintaan untuk produk E&E, terutamanya dari Korea dan China Taipei, terus meningkat pada suku tersebut. Hal ini mencerminkan permintaan yang masih lagi kukuh untuk barangan elektronik pengguna, khususnya automotif, peranti pintar dan peralatan elektrik seperti peti sejuk dan pembersih vakum yang memerlukan pemasangan alat pengesan (sensor).

Secara keseluruhan, eksport rantau Asia meningkat pada kadar dua angka yang kukuh pada suku pertama.

Turun naik pasaran kewangan semakin ketara

Turun naik pasaran kewangan global adalah semakin ketara pada suku pertama. Hal ini berlaku berikutan pengumuman AS untuk mengenakan tarif ke atas keluli dan aluminium. Perkembangan ini, berserta tindak balas Republik Rakyat China (RRC), telah menimbulkan kebimbangan tentang kemungkinan meletusnya perang perdagangan antara kedua-dua negara ekonomi utama dunia itu.

Turun naik ini walaupun reda sedikit pada akhir suku pertama, namun kekal pada tahap yang tinggi disebabkan oleh ketidakpastian berhubung dengan kemungkinan pelaksanaan langkah-langkah perdagangan dan tindak balas yang mungkin timbul. Namun demikian, sebahagian besar pasaran kewangan tidak terjejas oleh dasar monetari yang diambil memandangkan masa pelaksanaan dan kadar pelarasan dasar adalah selaras dengan jangkaan.

Dalam pasaran komoditi, harga minyak mentah Brent purata adalah pada USD67[2] setong pada suku pertama 2018 (S4 2017: USD62 setong). Kenaikan harga minyak itu didorong terutamanya oleh keyakinan para pelabur terhadap pasaran niaga hadapan. Ini berikutan laporan bahawa tempoh pengurangan pengeluaran minyak oleh OPEC mungkin dilanjutkan selepas tahun 2018. Kenaikan harga minyak turut disebabkan oleh kebimbangan terhadap gangguan bekalan di Timur Tengah dan Venezuela.

[2] Berdasarkan harga hadapan 1 bulan minyak mentah Brent.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

SOROTAN PENTING


- **Ekonomi Malaysia meningkat 5.4% pada suku pertama.**
- **Inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing lebih rendah pada 1.8% dan 1.9%.**
- **Imbangan akaun semasa lebih besar pada 4.5% daripada PNK, didorong terutamanya oleh lebihan dalam akaun barangan yang besar.**

Ekonomi Malaysia meningkat 5.4% pada suku pertama 2018

Ekonomi Malaysia berkembang 5.4% pada suku pertama 2018 (S4 2017: 5.9%). Pertumbuhan ini didorong oleh perbelanjaan sektor swasta yang berterusan (5.2%; S4 2017: 7.4%) dan pertumbuhan eksport bersih yang kukuh (62.4%; S4 2017: 2.3%). Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara meningkat 1.4% (S4 2017: 1.0%).

Pertumbuhan lebih sederhana pada S1 2018


Rajah 4: Pertumbuhan KDNK



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan dipacu oleh permintaan sektor swasta dan eksport bersih


Rajah 5: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan modal tetap kasar berkembang pada kadar yang lebih perlahan

Rajah 6: Pertumbuhan PMTK mengikut Jenis Aset



* Aset-aset lain termasuk penerokaan mineral, penyelidikan & pembangunan dan penanaman modal.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri didorong oleh sektor swasta

Permintaan dalam negeri berkembang dengan lebih sederhana pada 4.1% (S4 2017: 6.2%) disebabkan oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih rendah (5.2%; S4 2017: 7.4%) dan sedikit kemerosotan dalam perbelanjaan sektor awam (-0.1%; S4 2017: +3.4%).

Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan yang mampan sebanyak 6.9% (S4 2017: 7.0%), disokong oleh pertumbuhan upah dan guna tenaga yang kekal kukuh.

Pertumbuhan pelaburan swasta meningkat dengan lebih sederhana pada 0.5% (S4 2017: 9.2%). Pelaburan swasta telah menerima kesan daripada perbelanjaan modal yang lebih rendah untuk struktur, khususnya dalam harta tanah kediaman dan komersial, dan juga jentera dan kelengkapan pada suku tersebut. Dari segi sektor, pelaburan swasta disokong terutamanya oleh sektor perkhidmatan, khususnya subsektor pendidikan dan penjagaan kesihatan.

Penggunaan awam mencatat pertumbuhan yang lebih rendah pada 0.4% (S4 2017: +6.8%), berikutan pengurangan perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan.

Pelaburan awam terus menguncup pada suku pertama (-1.0%; S4 2017: -1.4%), disebabkan oleh pengurangan perbelanjaan untuk aset tetap oleh syarikat awam. Perbelanjaan modal yang lebih rendah oleh syarikat awam sebahagian besarnya disebabkan oleh beberapa projek berskala besar yang hampir siap.

Pertumbuhan pembentukan modal tetap kasar (PMKT) menjadi lebih sederhana pada 0.1% (S4 2017: 4.3%). Dari segi jenis aset, perbelanjaan modal untuk jentera dan kelengkapan menguncup 3.6% (S4 2017: +8.3%). Pelaburan dalam struktur meningkat dengan lebih sederhana (2.8%; S4 2017: 3.3%), manakala pelaburan dalam jenis aset lain mencatat kemerosotan lebih kecil sebanyak 0.2% (S4 2017: -6.8%).

Sektor-sektor ekonomi terus berkembang

Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan dan perkilangan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan.

Sektor perkhidmatan berkembang dengan lebih pantas pada suku pertama. Perkembangan yang lebih baik ini disumbangkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam subsektor kewangan dan insurans hasil daripada aktiviti pemberian pinjaman yang lebih tinggi, khususnya kepada segmen isi rumah. Pertumbuhan dalam subsektor maklumat dan komunikasi juga bertambah baik, didorong oleh permintaan lebih tinggi untuk perkhidmatan komunikasi data. Subsektor perdagangan borong dan runcit terus berkembang, disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang mampan.


Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan yang mampan pada suku pertama. Pertumbuhan ini didorong oleh prestasi lebih baik industri berorientasikan eksport dan kelompok berkaitan pembinaan. Peningkatan ini telah mengimbangi pertumbuhan yang lebih perlahan dalam kelompok berkaitan pengguna, yang disebabkan terutamanya oleh pengeluaran bahan makanan dan kelengkapan pengangkutan. Pertumbuhan lebih kukuh dalam kelompok berkaitan sumber (contohnya, produk berasaskan kimia dan petroleum) disokong oleh pengeluaran minyak yang lebih tinggi. Peningkatan dalam kelompok E&E mencerminkan pengembangan berterusan dalam peningkatan kitaran teknologi global. Kadar pertumbuhan yang lebih tinggi dalam kelompok berkaitan pembinaan adalah sejajar dengan aktiviti kejuruteraan awam yang lebih giat pada suku tersebut.

Pada suku pertama, sektor pembinaan meningkat dengan lebih sederhana. Walaupun subsektor kejuruteraan awam lebih kukuh hasil sokongan projek pengangkutan, petrokimia dan loji jana kuasa, prestasi sektor pembinaan telah terjejas akibat aktiviti subsektor harta kediaman dan harta bukan kediaman. Hal ini sejajar dengan jumlah harta kediaman tidak terjual yang agak besar dan segmen harta tanah komersial yang terus lemah (terdapat lebihan bekalan dalam ruang pejabat dan kompleks membeli-belah).

Sektor pertanian berkembang dengan lebih sederhana, mencerminkan terutamanya kurangnya aktiviti menoreh getah berikutan harga getah yang rendah pada suku pertama. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sektor perlombongan kembali pulih disokong terutamanya oleh pengeluaran minyak yang lebih tinggi.

Sektor-sektor ekonomi terus berkembang


Rajah 7: Pertumbuhan Mengikut Sektor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan dan perkilangan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan


Rajah 8: KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penurunan inflasi mencerminkan sumbangan yang lebih kecil daripada harga bahan api domestik


Rajah 9: Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan mengikut Komponen



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rebakan inflasi lebih rendah sedikit pada S1 2018

Rajah 10: Rebakan inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi keseluruhan lebih rendah pada suku pertama disebabkan sumbangan yang lebih kecil daripada harga bahan api domestik

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 1.8% pada S1 2018 (S4 2017: 3.5%).

Kadar inflasi yang rendah ini mencerminkan sumbangan harga bahan api domestik yang lebih kecil terhadap inflasi keseluruhan. Meskipun harga minyak dunia lebih tinggi pada suku tersebut, magnitud kenaikan harga ini lebih kecil berbanding dengan suku yang lalu. Impak kenaikan harga minyak dunia juga telah diimbangi oleh kadar pertukaran ringgit yang lebih kukuh[3]. Hasilnya, inflasi pengangkutan nyata lebih rendah pada suku tersebut (S1 2018: 1.3%; S4 2017: 11.4%). Keadaan penawaran makanan segar yang lebih baik turut membantu mengekang kenaikan harga makanan pada suku tersebut (S1 2018: 3.2%; S4 2017: 4.1%).

Inflasi teras juga menjadi sederhana pada suku pertama kepada 1.9% (S4 2017: 2.3%). Memandangkan pengurangan dalam stok modal tidak berterusan dan ketiadaan tekanan gaji yang ketara, tekanan inflasi yang didorong permintaan dalam ekonomi kekal stabil.

Penurunan inflasi adalah menyeluruh dan merentas kategori IHP. Jumlah peratusan barangan dalam bakul IHP yang mencatat inflasi melebihi 2% berkurang kepada 28% pada S1 2018 (S4 2017: 32%).

[3] Ringgit menambah nilai kepada purata RM3.9246 berbanding dengan dolar AS pada S1 2018 berbanding RM4.1626 pada S4 2017.

Keadaan pasaran pekerja bertambah baik


Keadaan pasaran pekerja semakin bertambah baik pada suku pertama 2018. Upah sektor swasta meningkat kepada 6.6% (S4 2017: 6.3%). Pada suku tersebut, guna tenaga bersih mengatasi pengembangan tenaga kerja lalu mengurangkan sedikit kadar pengangguran kepada 3.3% (S4 2017: 3.4%). Hal ini berlaku dalam keadaan peningkatan jumlah kekosongan jawatan yang disiarkan dalam sebuah laman sesawang carian pekerjaan utama kepada 69,238 jawatan pada S1 2018 (S4 2017: 61,061 jawatan). Jumlah itu menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam permintaan untuk pekerja.

Dalam sektor kewangan[4], jumlah pekerjaan bersih berkurang sebanyak 668 jawatan kepada 164,216 orang yang bekerja pada S1 2018 (S4 2017: 164,884 orang). Hal ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan pekerjaan berkemahiran sederhana (-1,271 pekerjaan), yang sebahagiannya telah diimbangi oleh pertambahan dalam pekerjaan berkemahiran tinggi (+642 pekerjaan).

Pertumbuhan yang terus kukuh dalam upah sektor swasta didorong oleh sektor perkilangan. Upah sektor perkilangan meningkat kepada 13.9% (S4 2017: 9.4%). Walaupun asas upah yang rendah pada bulan Januari-Februari 2017 merupakan faktor penyumbang, upah sektor perkilangan terus meningkat dengan kukuh sebanyak 11.9% pada bulan Mac 2018. Berdasarkan analisis suku tahunan, upah sektor perkilangan meningkat 4.8% pada S1 2018 (S4 2017: 2.1%). Upah sektor perkhidmatan pula menurun sedikit kepada 3.5% (S4 2017: 5.0%), disebabkan oleh pertumbuhan upah yang sederhana dalam semua subsektor perkhidmatan.

Kadar pengangguran menurun


Rajah 11: Kadar pengangguran



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perkembangan dalam upah sektor swasta

Rajah 12: Upah sektor swasta



* Upah sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Perangkaan Pembuatan Bulanan dan Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Ia meliputi 64% daripada jumlah guna tenaga.

[d] Disemak


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

[4] Hanya meliputi institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan, syarikat penanggung insurans dan pengendali takaful. Maklumat ini diperoleh daripada kajian terhadap pertubuhan yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia.

Pertumbuhan eksport disokong oleh eksport pembuatan

Rajah 13: Eksport Kasar Mengikut Keluaran

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan eksport yang berterusan ke kebanyakan pasaran utama

Rajah 14: Eksport Kasar Mengikut Pasaran

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi sektor luaran teguh

Pada suku pertama 2018, eksport kasar berkembang 5.8% (S4 2017: 12.4%), disokong terutamanya oleh eksport perkilangan. Lebihan perdagangan meningkat kepada RM33.4 bilion (S4 2017: RM27.7 bilion).

Pertumbuhan eksport disokong oleh permintaan yang berterusan daripada rakan perdagangan utama, terutamanya negara serantau. Eksport perkilangan menjadi sederhana, namun terus mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 8.2% (S4 2017: 14.2%). Yang nyata, eksport semikonduktor meningkat dengan pantas (29.6%; S4 2017: 24.4%) sejajar dengan perkembangan berterusan dalam kitaran menaik teknologi global. Kedua-dua eksport perkilangan berasaskan sumber dan bukan sumber juga menyokong eksport keseluruhan, didorong terutamanya oleh produk kimia dan logam. Eksport komoditi menguncup, disebabkan oleh penurunan harga eksport getah dan minyak sawit mentah, serta permintaan untuk gas asli cecair (LNG) yang lebih rendah.

Import kasar menurun sebanyak -0.8% pada suku pertama 2018 (S4 2017: 14.4%). Import barangan pengantara lebih rendah selaras dengan pertumbuhan eksport perkilangan yang lebih sederhana. Import barangan modal menguncup di tengah-tengah penurunan dalam penghantaran barang bernilai tinggi berbanding dengan penghantaran pada S1 2017. Kemerosotan ini telah diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan import yang kukuh bagi aktiviti eksport semula di Malaysia, khususnya dalam sektor E&E.

Lebihan akaun semasa meningkat


Lebihan akaun semasa meningkat kepada RM15.0 bilion pada suku pertama 2018 (S4 2017: RM13.9 bilion) atau 4.5% daripada PNK (S4 2017: 4.0% daripada PNK), disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam lebihan barangan dan defisit perkhidmatan yang lebih rendah. Lebihan akaun semasa ini merupakan lebihan yang tertinggi sejak S2 2014 apabila jumlahnya mencecah RM15.3 bilion. Akaun pendapatan sekunder mencatat defisit yang lebih kecil, manakala defisit bagi akaun pendapatan primer lebih besar pada suku tersebut.

Selaras dengan kekukuhan eksport yang berterusan dan import yang lebih sederhana pada suku pertama, lebihan akaun barangan meningkat kepada RM35.7 bilion[5] (S4 2017: RM34.1 bilion). Defisit akaun perkhidmatan lebih kecil pada -RM5.8 bilion (S4 2017: -RM7.0 billon), terutamanya disebabkan oleh pembayaran bersih yang lebih rendah dalam akaun pembinaan dan pengangkutan.

Defisit akaun pendapatan primer meningkat kepada -RM10.2 bilion (S4 2017: -RM8.4 bilion), terutamanya disebabkan oleh keuntungan lebih kecil yang dijana oleh firma Malaysia yang melabur di luar negeri, khususnya dalam subsektor perkhidmatan kewangan dan insurans, serta perdagangan borong dan runcit. Akaun pendapatan sekunder mencatat defisit sebanyak RM4.7 bilion (S4 2017: -RM4.8 bilion) disebabkan oleh pengiriman wang keluar yang berterusan oleh pekerja asing.

Import kasar menurun sedikit disebabkan oleh penguncupan barangan pengantara dan modal


Rajah 15: Import Kasar Mengikut Keluaran



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Imbangan akaun semasa lebih tinggi

Rajah 16: Imbangan akaun semasa




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[5] Perbezaan antara lebihan barangan dengan lebihan perdagangan mungkin timbul berikutan pengecualian bagi barangan untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengagihan dalam akaun barangan mengikut Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (BPM6) IMF

Pelaburan langsung asing yang besar di samping pelaburan langsung luar negari yang rendah

Rajah 17: Aliran Pelaburan Langsung Bersih Mengikut Sektor




Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk kepada aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk kepada aliran masuk bersih

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Aliran keluar bersih dalam akaun pelaburan portfolio disumbangkan oleh pelabur pemastautin

Rajah 18: Pelaburan portfolio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun kewangan mencatat aliran masuk bersih

Pada suku pertama 2018, akaun kewangan mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM15.2 bilion (S4 2017: aliran masuk bersih sebanyak RM6.0 bilion). Hal ini disokong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang berterusan, pelaburan portfolio bukan pemastautin dan aliran masuk pelaburan lain. Aliran masuk ini sebahagiannya telah diimbangi oleh pelaburan portfolio di luar negeri oleh pemastautin.

Aliran masuk bersih akaun pelaburan langsung berjumlah RM10.7 bilion (S4 2017: aliran masuk bersih RM5.3 bilion), berikutan FDI yang kukuh dan pelaburan langsung luar negeri (DIA) yang rendah pada suku tersebut. FDI mencatat aliran masuk bersih yang besar sebanyak RM12.0 bilion (S4 2017: aliran masuk bersih RM3.4 bilion), mencerminkan kejayaan pembentukan dua usaha sama bagi projek Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (RAPID) dan pelaburan berterusan oleh Syarikat Multinasional (MNC) dalam sektor E&E. Berikutan perkembangan ini, kebanyakan daripada aliran masuk FDI disalurkan ke dalam sektor perkilangan, diikuti sektor perkhidmatan, khususnya subsektor harta tanah dan perdagangan borong dan runcit. DIA syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih yang rendah sebanyak RM1.3 bilion (S4 2017: aliran masuk bersih sebanyak RM1.9 bilion), apabila aliran keluar DIA telah diimbangi sebahagiannya oleh aliran masuk berikutan penjualan sebahagian daripada pelaburan dalam urusan pengilangan minyak dan lemak khas di Eropah. Aliran keluar DIA disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, khususnya subsektor harta tanah dan perkhidmatan kewangan, dan sektor perlombongan.

Akaun pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM2.6 bilion (S4 2017: aliran masuk bersih sebanyak RM11.6 bilion), disebabkan terutamanya oleh peningkatan semula aktiviti pemerolehan aset kewangan asing bersih oleh pengurus dana dan bank pemastautin (S1 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM10.5 bilion; S4 2017: aliran masuk bersih sebanyak RM3.5 bilion). Ini sebahagiannya telah diimbangi oleh pelaburan portfolio bukan pemastautin yang terus mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM7.9 bilion (S4 2017: aliran masuk bersih sebanyak RM8.1 bilion. Sentimen pelabur dalam pasaran kewangan domestik terus disokong oleh prestasi ekonomi suku keempat yang lebih baik daripada jangkaan pada tahun 2017 serta kenaikan harga minyak mentah dunia pada suku ini.

Akaun pelaburan lain kembali pulih untuk mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM6.4 bilion (S4 2017: aliran keluar bersih sebanyak RM9.5 bilion), disebabkan terutamanya oleh pemberian pinjaman jangka pendek oleh bukan pemastautin. Aliran masuk ini sebahagiannya telah diimbangi oleh pemberian pinjaman serta penempatan mata wang dan deposit di luar negeri oleh pemastautin. Kesilapan dan ketinggalan (E&O), tidak termasuk perubahan penilaian semula rizab antarabangsa[6], berjumlah -RM12.0 bilion atau -2.7% daripada jumlah perdagangan. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah USD107.8 bilion pada akhir Mac 2018, berbanding dengan USD102.4 bilion pada akhir Disember 2017.

Hutang luar negeri kekal terurus

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM893.4 bilion, bersamaan dengan USD229.0 bilion atau 61.8% daripada KDNK pada akhir Mac 2018 (akhir Disember 2017: RM879.8 bilion bersamaan dengan USD214.6 bilion atau 65.0% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih tinggi ini mencerminkan peningkatan pinjaman oleh syarikat korporat bukan kewangan untuk membiayai aktiviti pelaburan. Namun, peningkatan ini sebahagiannya telah diimbangi oleh kesan penilaian berikutan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama dan serantau terpilih pada suku pertama 2018.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berdasarkan profil mata wang dan tempoh matangnya, serta tersedianya jumlah aset luaran yang besar. Lebih satu pertiga daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam ringgit (34.8%; akhir Disember 2017: 34.4%), terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik dan deposit ringgit dalam institusi perbankan domestik oleh bukan pemastautin. Oleh itu, liabiliti ini tidak tertakluk kepada perubahan penilaian daripada turun naik dalam kadar pertukaran ringgit.

Baki hutang luar negeri sebanyak RM582.8 bilion atau 65.2% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam mata wang asing (foreign currency, FC) dan tertakluk kepada amalan pengurusan mudah tunai berhemat dan keperluan perlindungan nilai bagi institusi perbankan dan syarikat korporat. Sebahagian besar daripada obligasi ini ialah peminjaman luar pesisir, yang diperoleh terutamanya untuk mengembangkan kapasiti produktif dan

[6] Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menambah baik pelaporan Imbangan Pembayaran, E&O suku tahunan bersih kini tidak mengambil kira perubahan penilaian semula. Amalan ini diundur tarikh sehingga S1 2010.

Hutang luar negeri lebih tinggi pada S1 2018

Rajah 19: Perubahan dalam Hutang Luar Negeri




[1] Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang dalam denominasi mata wang asing tertakluk kepada keperluan amalan pengurusan mudah tunai dan perlindungan nilai yang berhemat

Rajah 20: Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (% keseluruhan)



*Termasuk kredit perdagangan dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum

mengurus sumber kewangan kumpulan korporat dengan lebih baik. Pada akhir bulan Mac 2018, peminjaman luar pesisir adalah pada 35.8% daripada KDNK (akhir bulan Disember 2017: 37%).

Daripada jumlah hutang luar negeri dalam FC (termasuk kesan penilaian), lebih satu pertiga (atau sebanyak RM202.9 bilion) merupakan peminjaman antara bank dan deposit FC dalam sistem perbankan domestik. Ini sebahagian besarnya mencerminkan pengurusan mudah tunai antara kumpulan bank dan penempatan deposit oleh entiti induk asing yang tertakluk kepada amalan pengurusan mudah tunai berhemat. Antaranya ialah had dalaman bagi pendanaan dan ketidakpadanan tempoh matang. Ini diikuti oleh bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir sebanyak RM141.2 bilion pada akhir bulan Mac 2018, terutamanya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri bagi menjana pendapatan akan datang. Pinjaman antara syarikat biasanya tertakluk kepada terma yang fleksibel dan kadar yang lebih rendah, seperti tiada jadual pembayaran balik yang tetap atau kadar faedah yang rendah.

Dari perspektif tempoh matang, lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri bertempoh jangka sederhana hingga panjang (55.5% daripada jumlah hutang luar negeri; akhir bulan Disember 2017: 56.9%). Hal ini menunjukkan bahawa risiko pembiayaan semula adalah terhad. Berdasarkan hasil perolehan eksport peminjam dan aset luaran, rizab antarabangsa bukanlah satu-satunya cara bagi bank dan syarikat memenuhi obligasi luaran jangka pendek mereka. Rizab antarabangsa mencakupi kira-kira satu perempat daripada jumlah aset luaran, dengan aset luaran selebihnya dipegang oleh bank dan syarikat korporat. Pada 30 April 2018, rizab antarabangsa ialah 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek dan mencukupi untuk membiayai 7.5 bulan import tertangguh.

1 Rencana

Pertikaian Perdagangan: Implikasi Terhadap Perdagangan dan Pelaburan


Oleh: Mohamad Ishaq Hakim, Muhamad Aizuddin, Afiah Yahya, Ooi Kiesha dan Lim Boon Seong

SOROTAN PENTING

- Pertikaian perdagangan yang berlaku baru-baru ini telah mencetuskan risiko pertumbuhan global yang lebih rendah. Pelaksanaan tarif yang lebih tinggi berkemungkinan boleh menjejaskan momentum pertumbuhan kukuh yang dicatat tahun lalu.
- Berdasarkan keadaan semasa, langkah-langkah menaikkan tarif yang dicadangkan oleh Amerika Syarikat (AS) dan Republik Rakyat China (RR China) dijangka memberikan impak yang kecil terhadap pertumbuhan global dan serantau.
- Malaysia perlu terus mengambil pendirian yang pragmatik berhubung dengan dasar perdagangannya yang terbuka, dengan memperluas hubungan perdagangan serta memastikan dasar-dasar domestiknya terus menyokong pertumbuhan ekonomi.


Liberalisasi perdagangan global sejak tahun 1980-an telah membuka peluang kepada pelbagai sumber pertumbuhan kepada sebilangan ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun. Walau bagaimanapun, baru-baru ini terdapat perubahan dalam pendirian yang lebih menjurus kepada dasar bersifat perlindungan, yang mungkin menjejaskan sumber pertumbuhan yang penting ini. Rencana ini menunjukkan hasil penilaian terhadap kesan potensi dasar perlindungan perdagangan baru-baru ini ke atas ekonomi global dan Malaysia.

Rajah 1: Imbangan Perdagangan dan Imbangan Akaun Semasa AS



Sumber: US Census Bureau, US Bureau of Economic Analysis

Rajah 2: Imbangan Perdagangan AS mengikut Negara (2017)



Sumber: US Census Bureau, US Bureau of Economic Analysis

Latar Belakang

AS terus mencatat defisit perdagangan yang berpanjangan dan semakin besar disebabkan ia lebih banyak mengimport berbanding mengeksport barangan daripada rakan perdagangannya (Rajah 1). Dalam kalangan rakan perdagangannya, RR China menyumbangkan hampir 50% daripada defisit perdagangan AS (Rajah 2). Hal ini sebahagiannya menjadi asas pertimbangan bagi AS untuk menggubal kadar tarif yang lebih tinggi terhadap negara-negara lain, termasuk RR China. AS mendakwa RR China telah mendapat kelebihan perdagangan yang tidak adil daripada kos input domestiknya yang lebih rendah yang membolehkannya mengurangkan harga barang dagangannya di seluruh dunia. Oleh itu, kadar tarif AS yang lebih tinggi terhadap import dari RR China dilihat sebagai faktor yang boleh mewujudkan keadaan pasaran yang lebih saksama bagi komuniti perniagaan AS.

Perkembangan dan Butiran Lanjut

Beberapa siri tindakan perdagangan telah dimulakan oleh AS pada bulan Januari 2018, apabila ia mengumumkan kenaikan tarif ke atas panel suria, dan diikuti oleh kenaikan tarif terhadap keluli dan aluminium pada bulan Mac (Jadual 1: Tahap 1). Tindakan perdagangan kemudiannya menjadi lebih khusus pada sesebuah negara pada akhir Mac dan awal April apabila AS mengeluarkan dapatan daripada laporan Seksyen 301 yang berkaitan dengan amalan harta intelek di RR China. Susulan itu, AS mencadangkan kenaikan tarif import bagi 1,333 produk dari RR China yang bernilai USD50 bilion. Sebagai langkah tindak balas, RR China pula mengumumkan cadangan tarifnya terhadap 106 produk AS yang bernilai USD50 bilion (Jadual 1: Tahap 2).

Jadual 1: Butiran Aksi Perdagangan antara AS dan RR China

Butiran Aksi Perdagangan	Amerika Syarikat (AS)	RR China
Tahap 1	**Jan 2018 - Mac 2018** **Tarif merangkumi semua negara*** • Panel solar (+30%) • Keluli (+25%) • Aluminium (+10%)	**Awal Apr 2018** **Tarif disasarkan terhadap produk dari AS** • Buah-buahan segar dan kering, wain, etil alkohol, dan paip keluli (+15%) • Produk khinzir dan aluminium dikitar semula (+25%)
Tahap 2	**Mac - Apr 2018** **Tarif disasarkan terhadap produk dari RR China** • +25% tarif import ke atas 1,333 produk bernilai USD50 bn • E.g. kelengakapan rumah, mesin, peralatan elektrikal	**Pertengahan-Apr 2018** **Tarif disasarkan terhadap produk dari AS** • +25% tarif import ke atas 106 produk bernilai USD 50 bn • E.g. kacang soya, bahagian automotif dan kapal terbang.

* Negara yang dikecualikan daripada tarif keluli dan aluminium termasuk Canada, Mexico, Korea dan kawasan Euro
Sumber: US Trade Representative Office, RR China Ministry of Commerce, Aliran berita

Produk-produk yang diumumkan sebagai barangan yang akan dikenakan tarif lebih tinggi itu merangkumi 13% daripada eksport RR China ke AS, dan 41% daripada eksport AS ke RR China. Walaupun angka-angka ini kelihatan agak besar pada asas dua hala, senarai produk yang disasarkan untuk dinaikkan tarif ini hanya merupakan bahagian yang kecil daripada jumlah eksport AS dan RR China ke seluruh dunia (masing-masing mencakupi 2.4% dan 3.4% daripada jumlah eksport AS dan RR China).

Impak Terhadap Ekonomi Global

Setakat ini, tindakan perdagangan yang dicadangkan ini dijangka hanya memberi kesan yang kecil terhadap ekonomi global dan hal ini akan berlaku terutamanya melalui saluran perdagangan dan pelaburan.

Bagi saluran perdagangan, penilaian telah dibuat dengan menggunakan beberapa kaedah. Pertama, dengan menggunakan satu ukuran keanjalan perdagangan untuk menganggarkan impak kenaikan harga (berikutan tarif lebih tinggi) masing-masing ke atas jumlah import AS dan RR China. Kedua, dengan mengira kesan limpahan tidak langsung ke atas negara serantau melalui rantaian nilai global. Bagi saluran pelaburan, impak terhadap pertumbuhan KDNK dinilai berdasarkan keuntungan pengeksport yang lebih rendah, kemerosotan kedudukan kewangan dan kesan susulan yang menjejaskan sentimen perniagaan dan aktiviti pelaburan. Ketiga, dengan mengira kesan negatif akibat penurunan aktiviti perdagangan ke atas pendapatan pekerja dan potensi kenaikan harga.

Tarif yang dicadangkan oleh AS dijangka mengurangkan pertumbuhan KDNK RR China sebanyak 0.04 mata peratusan dan 0.01 - 0.02 mata peratusan bagi pertumbuhan rantau ini (Jadual 2). Hasil penilaian ini jelas menunjukkan integrasi ekonomi EA-8 yang tinggi dalam rantaian nilai pengeluaran RR China, terutamanya bagi produk E & E, dengan bahagian kepada nilai ditambah (*share of value-added* atau VA) sebanyak ~18% (sumbangan VA) yang diperoleh dari rantau ini. Oleh itu, ekonomi serantau seperti China Taipei dan Korea, yang merupakan pembekal utama barangan pengantara kepada RR China, merupakan kelompok negara yang paling terjejas akibat kenaikan tarif dua hala.

Sebaliknya, langkah yang sama diambil oleh RR China terhadap AS dijangka mengurangkan kadar pertumbuhan KDNK AS sebanyak 0.06 mata peratusan, dan bagi rantau ini sebanyak kurang daripada 0.01 mata peratusan. Pertumbuhan KDNK serantau hanya terjejas sedikit akibat tarif RR China. Hal ini kerana negara di Amerika Utara seperti Kanada dan Mexico lebih tinggi integrasinya dalam rantaian nilai pengeluaran AS berbanding dengan negara di rantau Asia.

Hasil penilaian awal menunjukkan bahawa pelaksanaan tarif yang lebih tinggi akan lebih menjejaskan pertumbuhan ekonomi AS berbanding dengan RR China. Hal ini disebabkan sebahagiannya oleh sumber nilai ditambah domestik yang lebih tinggi bagi AS (sumbangan VA ~ 82%) berbanding dengan RR China (sumbangan VA ~ 64%). Misalnya, aktiviti perkilangan kebanyakan produk E & E pengguna seperti telefon pintar di RR China memerlukan bahagian komponen daripada banyak negara serantau (panel paparan OLED dari Korea dan cip semikonduktor dari China Taipei). Dalam hal ini, RR China telah memanfaatkan kelebihan integrasinya yang besar dengan ekonomi Asia serta sumber pertumbuhan nilai ditambah yang lebih pelbagai dari rantau ini untuk mengurangkan risiko yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonominya.

Jadual 2: Impak ke atas KDNK melalui Saluran Perdagangan

Impak Mata Peratusan Tahunan (% tahunan)	Impak Tarif AS	Impak Tarif RR China
RR China	-0.04	
AS		-0.06
Asia tidak termasuk RR China	-0.01 - 0.03	
Pertumbuhan Dunia	-0.02	
Pertumbuhan Perdagangan	-0.02	

Nota: Asia ex. RR China merangkumi Hong Kong, Korea, Singapura, C. Taipei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam.
Kadar pertumbuhan Asia ex. RR China dihitung dalam US Dollar

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Kesan gabungan daripada pengumuman tarif AS dan RR China melalui perdagangan dijangka mengurangkan sedikit kadar pertumbuhan KDNK global sebanyak 0.02 mata peratusan, dan penurunan yang setara iaitu 0.02 mata peratusan bagi perdagangan global. Penyelidikan dan pengalaman lalu juga menunjukkan kesan negatif melalui pelaburan yang disebabkan oleh sentimen perniagaan yang lebih rendah boleh mengurangkan lagi KDNK global sebanyak 0.03 mata peratusan. Dengan mengambil kira kesan perdagangan dan pelaburan, KDNK global dijangka menjadi lebih rendah sehingga 0.05 mata peratusan, dengan penurunan setara sebanyak 0.06 mata peratusan bagi perdagangan global (Jadual 3).

Jadual 3: Gabungan Impak ke atas Pertumbuhan KDNK Melalui Saluran Perdagangan dan Pelaburan

Impak Mata Peratusan Tahunan (% tahunan)	Pertumbuhan Global	Perdagangan Global
Impak Melalui Saluran Perdagangan	-0.02	-0.02
Impak Melalui Saluran Pelaburan	-0.03	-0.04
Gabungan Impak	-0.05	-0.06

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Tindakan perdagangan yang dicadangkan oleh AS dan RR China sekiranya dilaksanakan akan memberikan impak terhadap prospek pertumbuhan Malaysia yang mengamalkan perdagangan dan kewangan terbuka. Kegiatan perdagangan yang lebih rendah akan menjejaskan keuntungan syarikat dan pendapatan isi rumah. Volatiliti pasaran kewangan yang meningkat juga akan melemahkan sentimen. Walau bagaimanapun, memandangkan impak tindakan perdagangan yang dicadangkan ke atas ekonomi global dijangka kecil, impaknya ke atas Malaysia turut dijangka kecil dengan penurunan sebanyak 0.05 - 0.15 mata peratusan dalam pertumbuhan KDNK. Impak ini dijangka berkurang lagi berikutan wujudnya potensi destinasi perdagangan baharu Malaysia yang meliputi negara-negara selain AS dan RR China. Walau bagaimanapun, impak yang lebih besar mungkin berlaku sekiranya tindakan perdagangan yang diambil melangkaui cadangan awal.

Ketidakpastian Mengenai Pelaksanaan dan Reaksi Pasaran Kewangan

Walaupun banyak pengumuman dibuat mengenai kenaikan tarif import oleh AS dan RR China, namun langkah-langkah yang diumumkan itu masih bersifat retorik. Ini kerana pelaksanaan tarif tersebut tertakluk pada beberapa tindakan tertentu, termasuk:

1) AS perlu mendapatkan maklum balas orang ramai mengenai tarif lebih tinggi yang dicadangkan ke atas 1,333 produk dari RR China sehingga akhir bulan Mei 2018; manakala RR China pula tidak menetapkan garis masa pelaksanaan yang jelas.

2) AS menggunakan budi bicaranya. Ini seperti yang ditunjukkan oleh pengecualian tarif yang diberikan kepada tujuh buah negara bagi keluli dan aluminium.

3) Kecenderungan pemimpin politik di AS dan RR China untuk berunding sebelum meneruskan hasrat mereka melaksanakan tarif perdagangan yang lebih tinggi.

Impak keseluruhan perkembangan tersebut ke atas ekonomi Malaysia juga bergantung pada beberapa faktor, seperti liputan produk yang dikenakan tarif, dedahan Malaysia kepada segmen produk yang berkenaan serta masa pelaksanaan. Impak ke atas ekonomi benar juga boleh menjadi lebih besar dalam jangka panjang kerana ketidakpastian yang berpanjangan mengenai dasar perdagangan akan menjejaskan sentimen firma dan isi rumah. Hal ini juga boleh mengakibatkan kesan limpahan yang negatif terhadap aktiviti ekonomi industri-industri yang lain.

Selain itu, risiko terhadap prospek pertumbuhan akan meningkat sekiranya keadaan pasaran kewangan merosot, yang sekali gus akan mendorong volatiliti yang lebih ketara dalam pergerakan mata wang dan juga penurunan harga aset. Ini akan berlaku sekiranya tindakan perdagangan antara AS dengan RR China berpanjangan atau jika tindakan itu melangkaui sektor perdagangan, contohnya apabila ia melibatkan langkah-langkah berasaskan mata wang. Ketidakpastian yang berpanjangan mengenai dasar perdagangan boleh mengakibatkan aliran keluar modal dari negara-negara yang dianggap akan terjejas dengan teruk sekiranya tindakan perdagangan ini dilaksanakan. Walaupun kemungkinan tercetusnya perang perdagangan dan mata wang adalah agak kecil, ia boleh menimbulkan senario yang tidak baik kepada ekonomi global.

Dasar-dasar Penting untuk Malaysia

Bagi mencapai wawasan untuk mentransformasikan negara menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi dan berprestasi tinggi, Malaysia sentiasa komited kepada model pertumbuhan berlandaskan ciri yang terbuka. Ini selaras dengan usaha gigih sektor perniagaan Malaysia untuk menjadi inovatif, cekap, berdaya saing dan memperluas jangkauan operasi global mereka untuk meneroka pasaran baharu. Dalam bidang perdagangan, Malaysia telah melaksanakan usaha-usaha dasar untuk mempelbagaikan produk dan pasaran bagi mengurangkan risiko pergantungan yang berlebihan terhadap sesuatu produk dan pasaran tertentu. Langkah ini telah mengurangkan risiko volatiliti pasaran luaran terhadap pertumbuhan dan guna tenaga negara secara keseluruhan. Walaupun Malaysia telah melaksanakan liberalisasi perdagangan melalui penyertaannya secara aktif dalam rundingan perdagangan dua hala, serantau dan global, peristiwa yang berlaku baru-baru ini menunjukkan betapa perlunya suatu tindakan dasar yang pantas dan tegas diambil sebagai tindak balas terhadap langkah-langkah perlindungan perdagangan yang semakin meningkat. Malaysia komited dengan dasar perdagangannya yang sedia ada, sekali gus boleh meraih manfaat dengan memperluas dan memperdalam hubungan perdagangannya.

Gangguan perdagangan memberikan kesan negatif bukan sahaja kepada pertumbuhan ekonomi yang terlibat secara langsung bahkan terhadap ekonomi yang berada dalam rantaian bekalan. Rantaian nilai global yang merangkumi aktiviti pengeluaran barangan daripada peringkat penyumberan bahan sehinggalah peringkat pengilangan akhir yang dilakukan di negara yang berbeza, kini telah menjadi lebih bersepadu berbanding dahulu. Di Malaysia, rantaian ini termasuk pengeluaran bahagian dan komponen untuk jenama antarabangsa seperti *Apple*, *Samsung*, *Intel*, *BMW* dan *Airbus*.

Walaupun pengeluaran banyak barang dagangan nyata bertambah baik dari segi skala dan kadar pengeluarannya, rantaian nilai global juga meningkatkan risiko kenaikan perlindungan perdagangan bagi ekonomi yang terlibat dalam ekosistem pengeluaran global. Dalam keadaan perdagangan global yang tidak menentu pada masa ini, adalah penting bagi Malaysia untuk mengambil perspektif yang lebih luas dengan memanfaatkan proses globalisasi bagi menyokong matlamat pembangunan ekonomi jangka panjang. Proses automasi yang meluas telah mengubah dinamik pengeluaran dan penyampaian perkhidmatan. Model pertumbuhan berkos rendah yang bergantung pada pekerja asing boleh menjadi tidak mampan atau tidak mampu untuk meningkatkan daya saing dalam landskap ekonomi global semasa. Kemajuan teknologi, automasi dan inovasi yang selanjutnya perlu dilaksanakan dengan lebih gigih supaya Malaysia dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran dan bergerak ke rantaian nilai yang lebih tinggi. Terdapat ruang bagi Malaysia untuk meningkatkan daya tahan ekonominya melalui kepelbagaian yang lebih besar dalam rangkaian dan kecanggihan produk. Antara produk ini termasuk produk sektor elektronik dan komoditi, dan produk industri kimia dan plastik yang semakin mendapat perhatian. Malaysia mempunyai pengalaman yang luas dan keupayaan produktif yang besar dalam industri-industri ini (rujuk Rencana 'Kecanggihan dan Pertumbuhan: Kedudukan Malaysia dan Implikasi Dasar' dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2017).

Pembaharuan yang segera juga perlu bagi memastikan permintaan dalam negeri di Malaysia kekal berdaya tahan. Ini termasuk melaksanakan dasar-dasar untuk meningkatkan produktiviti pekerja melalui inisiatif yang mempertingkat kemahiran serta latihan semula agar mereka terus relevan dalam dunia yang semakin kompetitif dan bersifat global. Usaha perlu ditumpukan ke arah menggembleng

sumber yang lebih berharga dari segi nilai ditambah pada masa depan, dan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti. Dasar Malaysia dalam hal ini menekankan pembangunan modal insan bertaraf dunia melalui pendidikan yang komprehensif, komunikasi yang berkesan dan daya saing yang tinggi. Langkah mempelbagaikan sumber pertumbuhan adalah penting untuk memastikan pertumbuhan terus mampan pada masa akan datang.

Rumusan

Pertikaian perdagangan yang boleh mengganggu aktiviti perdagangan global berisiko untuk menjadikan kadar pertumbuhan lebih rendah. Pada masa ini, risiko terhadap prospek pertumbuhan global dan ekonomi Malaysia masih lagi rendah. Walau bagaimanapun, kesannya akan menjadi lebih buruk jika ketidakpastian mengenai dasar perdagangan berpanjangan dan keadaan kewangan global menjadi lebih teruk. Tindakan perdagangan ini bukan sahaja akan menjejaskan negara-negara yang terlibat secara langsung bahkan kesannya akan menular ke seluruh dunia melalui rantaian bekalan global, aktiviti pelaburan dan saluran kewangan. Pertikaian perdagangan perlu diselesaikan melalui dialog dan rundingan. Dasar penting yang perlu digubal oleh ekonomi utama dan ekonomi sedang pesat membangun hari ini adalah untuk memperkukuh semula matlamat bersama demi mencapai kemakmuran ekonomi melalui perdagangan yang terbuka lagi adil.

2 Rencana

Global Slack sebagai Penentu Inflasi[1]

Oleh: Eilyn Chong Yee Lin and Ho Sui-Jade

SOROTAN PENTING

- *Global slack*[2] (jurang keluaran global) telah menjadi penentu inflasi yang penting untuk ekonomi Asia-Pasifik. Walau bagaimanapun, pengaruhnya terhadap inflasi semakin berkurang selepas tahun 1990, berikutan kesan harga komoditi global dan kadar pertukaran matawang yang lebih dominan.
- Melalui aktiviti perdagangan yang berkembang dan perkilangan ke luar pesisir (offshoring), globalisasi telah menyumbang kepada hubungan yang lemah antara *domestic slack* (jurang keluaran domestik) dengan inflasi.
- Pengaruh yang besar terhadap dinamik inflasi domestik daripada faktor-faktor yang berkaitan dengan globalisasi menandakan bahawa faktor-faktor ini dapat memberikan maklumat yang relevan kepada bank-bank pusat apabila mengatur strategi dasar monetari dan komunikasi mereka. Pendekatan ini telah diterima pakai oleh Bank Negara Malaysia, dengan pertimbangan yang lebih meluas diberikan pada faktor-faktor yang mempengaruhi ekonomi domestik, selaras dengan rangka kerja yang berteraskan pengurusan inflasi (inflation-anchoring).

Pengenalan

Hubungan keluk Phillips yang standard menunjukkan bahawa peningkatan yang pesat dalam penggunaan pekerja dan modal domestik akan menyebabkan berlakunya kekurangan bekalan pekerja and modal, yang seterusnya akan meningkatkan tekanan terhadap inflasi[3]. Sepanjang beberapa dekad yang lalu, banyak kajian telah menunjukkan bahawa respons inflasi domestik terhadap penggunaan sumber domestik semakin lemah - suatu fenomena yang dikenali sebagai keluk Phillips yang mendatar (flattening of the Phillips curve)[4]. Pengalaman berkaitan fenomena ini terbukti baru-baru ini apabila kadar inflasi menjadi rendah di luar jangkaan, terutamanya dalam ekonomi maju, walaupun jurang keluaran domestik telah mengecil berikutan pemulihan ekonomi selepas krisis kewangan 2007-08.

Bagi menjelaskan fenomena ini, terdapat satu pandangan yang popular dalam kalangan pengulas ekonomi dan penggubal dasar ekonomi. Pandangan itu merumuskan betapa faktor global yang berkaitan dengan globalisasi memainkan peranan yang lebih besar berbanding dengan faktor domestik dalam menentukan proses inflasi domestik (Carney, 2017). Khususnya, melalui integrasi produk, pasaran pekerja dan modal merentas ekonomi – globalisasi menawarkan peluang kepada negara-negara untuk mengakses lebih banyak input dengan lebih murah dan cekap, serta barangan dan perkhidmatan akhir merentas sempadan negara. Kadar inflasi yang rendah pada dekad yang lalu dikaitkan dengan kewujudan jumlah sumber yang banyak di peringkat global, dan ini dikenali sebagai *global slack*.

---

[1] Versi teknikal akan diterbitkan dalam siri Kertas Kerja Bank Negara Malaysia.
[2] *Global slack* atau juga dikenali sebagai jurang keluaran global, menggambarkan sejauh mana penggunaan sumber-sumber global seperti pekerja dan modal. *Global slack* ditakrifkan sebagai hubungan antara permintaan di seluruh dunia dengan keupayaan produktif global (Milani, 2009).
[3] Keluk Philips berkaitan upah yang asal menggambarkan hubungan antara kadar pengangguran dengan kenaikan upah. Semakin rendah kadar pengangguran, semakin cepat kenaikan upah. Keluk Phillips berkaitan harga pula memberi gambaran umum di peringkat ekonomi, dan menggambarkan hubungan antara inflasi dengan *domestic slack*.
[4] Lihat, sebagai contoh, Blanchard, Cerutti, dan Summers (2015).

Rencana ini membincangkan pengaruh faktor-faktor yang berkaitan dengan globalisasi terhadap dinamik inflasi di ekonomi Asia–Pasifik, bagi menjawab dua soalan yang berikut:

- Bagaimanakah *global slack* mempengaruhi inflasi domestik?
- Manakah ciri-ciri globalisasi yang dominan dalam mempengaruhi dinamik inflasi domestik?

A. Secara teori, *global slack* boleh memberi kesan langsung dan tidak langsung terhadap inflasi domestik

Pandangan tradisional menyatakan bahawa *global slack* sentiasa mempengaruhi inflasi secara tidak langsung melalui penentu-penentu inflasi yang lain (European Central Bank (ECB), 2017). *Global slack* akan memberi kesan langsung terhadap inflasi jika ia mempengaruhi secara langsung keputusan penetapan harga oleh pengeluar. Kesan tidak langsung berlaku apabila *global slack* menjejaskan penentu-penentu inflasi lain (seperti harga komoditi global dan kadar pertukaran) yang mempengaruhi penetapan harga. Rajah 1 memberi gambaran mengenai saluran-saluran yang membolehkan *global slack* mempengaruhi inflasi domestik.

Misalnya, peningkatan ekonomi global yang kukuh yang dialami oleh RR China sebelum tahun 2008. Bagi memenuhi permintaan barangan dan perkhidmatan yang semakin meningkat, para pengeluar di RR China meningkatkan pengeluaran, dan sekali gus meningkatkan penggunaan pekerja dan modal mereka. Penggunaan sumber yang lebih tinggi di RR China akhirnya mendorong kepada peningkatan inflasi di negara-negara lain melalui tiga saluran tidak langsung:

i. **Harga global komoditi dan input perantaraan (intermediate input).** Aktiviti pengeluaran yang lebih pesat di RR China meningkatkan permintaan terhadap komoditi mentah dan input perantaraan yang diimport. Permintaan yang lebih tinggi ini meningkatkan harga global bagi input-input ini, yang sebahagiannya diimport untuk kegunaan pengeluaran di negara lain.

Rajah 1: Saluran tidak langsung dan langsung yang membolehkan *global slack* mempengaruhi inflasi domestik



Nota: Anak panah sempang mencerminkan kesan tidak langsung daripada *global slack* terhadap inflasi, manakala anak panah padu pula mencerminkan kesan langsung terhadap inflasi.

Sumber: Berdasarkan ilustrasi mengenai penentu inflasi oleh European Central Bank (ECB) dalam Buletin Ekonomi ECB (ECB Economic Bulletin) 4/2017

ii. **Kadar pertukaran.** Aliran modal dan kewangan rentas sempadan yang mengiringi peningkatan aliran barangan dan perkhidmatan rentas sempadan memberi kesan terhadap kadar pertukaran. Negara-negara yang mempunyai kadar pertukaran yang lebih rendah menghadapi harga import yang lebih tinggi, yang seterusnya menyumbang kepada inflasi yang lebih tinggi.

iii. ***Domestic slack* melalui eksport bersih.** Kekukuhan ekonomi RR China juga menyebabkan importnya meningkat, seterusnya menggalakkan pengeksport di negara-negara lain meningkatkan pengeluaran dan penggunaan sumber mereka bagi memenuhi permintaan barangan dan perkhidmatan di RR China. Penggunaan sumber domestik yang lebih pesat di negara-negara tersebut, kemudiannya, memberikan tekanan yang meningkat terhadap inflasi domestik.

Dalam pandangan yang baharu, globalisasi telah mengukuhkan kesan langsung *global slack* terhadap inflasi domestik, dan melemahkan tindak balas inflasi terhadap *domestic slack*. Dari segi teori, *global slack* memberi kesan langsung melalui tiga saluran:

i. **Persaingan yang lebih sengit daripada pasaran global** yang lebih besar menjadikan pengeluar domestik lebih tertumpu terhadap keadaan permintaan global bagi mengekalkan kuasa pasaran.

ii. **Mobiliti modal dan mobiliti pekerja yang bertambah baik** mengurangkan sensitiviti kos modal dan upah terhadap keadaan permintaan domestik, dan pada masa yang sama, meningkatkan dedahan terhadap keadaan permintaan di negara-negara yang menjadi sumber bagi modal dan pekerja[5].

iii. **Pembahagian proses pengeluaran dan perkilangan ke luar pesisir (rantaian nilai global (global value chains, GVC))** menjadikan inflasi lebih sensitif terhadap keadaan permintaan di negara-negara yang terlibat dalam rantaian pengeluaran.

Satu contoh berdasarkan pengeluaran kemeja-T bagi menerangkan bagaimana global slack yang berkurang boleh mempengaruhi inflasi domestik untuk kemeja-T

Bahagian ini menerangkan cara bagaimana saluran-saluran *global slack* boleh mempengaruhi inflasi domestik dengan menggunakan satu contoh yang mudah berdasarkan pengeluaran kemeja-T di Malaysia yang diperbuat daripada kain kapas. Dalam contoh ini, permintaan global diandaikan berada dalam keadaan kukuh lalu meningkatan permintaan terhadap kemeja-T. Bagi memenuhi permintaan yang lebih kukuh ini, pengeluar kemeja-T di seluruh dunia akan menghasilkan lebih banyak kemeja-T, seterusnya meningkatkan penggunaan sumber pada kadar yang cepat. Peningkatan penggunaan sumber di seluruh dunia akan memberi kesan tidak langsung terhadap inflasi kemeja-T di Malaysia seperti yang berikut:

i. Bagi memenuhi peningkatan pengeluaran kemeja-T, pengeluar di seluruh dunia memerlukan lebih banyak kain kapas sebagai input. Memandangkan bekalan kain kapas di seluruh dunia adalah tetap, keadaan ini akan menaikkan harga kain kapas global, sekali gus meningkatkan kos kain kapas yang diimport untuk pengeluar-pengeluar Malaysia.

ii. Peningkatan permintaan kemeja–T di seluruh dunia, bersama dengan harga kain kapas global yang lebih tinggi, juga boleh menaikkan harga kemeja-T yang diimport oleh pengimport kemeja-T Malaysia.

iii. Perubahan keadaan permintaan global dan harga komoditi juga boleh mempengaruhi kadar pertukaran ringgit. Misalnya, kadar pertukaran ringgit yang lebih kukuh akan menjadikan import untuk input dan barang siap lebih murah bagi pengeluar Malaysia.

iv. Sekiranya pengeluar kemeja-T Malaysia turut mendapat manfaat daripada permintaan yang lebih kukuh di seluruh dunia untuk kemeja-T, mereka mungkin meningkatkan jumlah pengeluaran kemeja-T. Jika jumlah pengeluaran meningkat melebihi keupayaan mereka sehingga kos menjadi lebih mahal untuk menghasilkan kemeja-T tambahan, pengeluar mungkin menaikkan harga domestik.

[5] Contohnya, persaingan untuk mendapatkan pekerjaan sesama pekerja domestik dan juga pekerja asing menjadikan keadaan yang lebih sukar bagi pekerja domestik menuntut upah yang lebih tinggi apabila keadaan pasaran pekerja domestik menjadi ketat.

Pada masa yang sama, peningkatan yang pesat dalam penggunaan sumber di seluruh dunia untuk menghasilkan kemeja-T juga boleh memberi kesan langsung yang lebih ketara terhadap inflasi domestik kemeja-T:

i. Susutan sumber di sesetengah negara boleh meningkatkan kos pengeluaran domestik untuk pengeluar kemeja-T tempatan, dan mempengaruhi keputusan penetapan harga. Berikutan persaingan yang lebih sengit antara pengeluar kemeja-T di seluruh dunia, dalam keadaan pasaran yang lebih berintegrasi, keputusan penetapan harga pengeluar kemeja–T asing ini secara langsung boleh mempengaruhi keputusan penetapan harga pengeluar Malaysia.

ii. Pengeluar Malaysia boleh menggunakan pekerja asing dan mesin yang diimport untuk menghasilkan kemeja-T mereka. Kesannya, pekerja atau mesin yang tidak mencukupi di negara asal boleh meningkatkan kos input langsung bagi pengeluar tersebut.

iii. Pengeluar kemeja-T Malaysia boleh memindah sebahagian proses pengeluaran atau keseluruhan proses itu ke negara lain, dan dengan yang demikian, akan menggunakan pekerja dan modal negara berkenaan bagi menghasilkan kemeja-T untuk dijual di Malaysia. Dalam kes seumpama ini, harga kemeja-T akan menjadi lebih sensitif terhadap upah dan kos modal di negara luar yang berkenaan, yang seterusnya, dipengaruhi oleh sejauh mana penggunaan sumber di negara tersebut.

Rajah A: Saluran tidak langsung dan langsung yang membolehkan *global slack* mempengaruhi inflasi domestik bagi kemeja-T



Nota: Anak panah sempang mencerminkan kesan tidak langsung daripada *global slack* terhadap inflasi, manakala anak panah padu pula mencerminkan kesan langsung terhadap inflasi.

Sumber: Bank Negara Malaysia

B. Bukti empirikal mengenai pengaruh *global slack* tidak konklusif

Walaupun terdapat pandangan popular yang menyatakan bahawa *global slack* mempunyai pengaruh yang lebih besar terhadap inflasi domestik, bukti empirikal mengenai perkara ini tidak konklusif. Misalnya, satu kajian oleh Borio dan Filardo (2007) yang sangat besar pengaruhnya menyokong betapa pentingnya *global slack* terhadap inflasi domestik di 15 ekonomi maju. Dalam kajian itu, mereka membincangkan tentang pendekatan mengutamakan faktor global (global-centric) apabila memikirkan tentang proses inflasi, bukannya mengutamakan faktor domestik (country-centric). Sebaliknya, beberapa pengkaji lain, termasuk Calza (2008), Ihrig, Kamin, Lindner dan Marquez (2010), dan Martinez-Garcia dan Wynne (2012), mendapati bahawa globalisasi cuma mempunyai kesan yang terhad terhadap dinamik inflasi ekonomi maju. Walaupun dapatan yang berbeza ini mungkin mencerminkan pendekatan empirikal yang berbeza, usaha untuk mendapatkan dapatan yang konsisten bertambah sukar berikutan ketidakpastian dalam ukuran *global slack* serta cabaran dalam menggabungkan *domestic slack* di setiap negara ke dalam satu ukuran komposit untuk *global slack*[6].

Beberapa bank pusat terkemuka juga mendapati kesan yang terhad daripada *global slack*. Dengan menggunakan data sehingga awal tahun 2017, kakitangan Federal Reserve Board mendapati bahawa *global slack* tidak menunjukkan kesan langsung yang ketara terhadap inflasi domestik di AS dan kebanyakan ekonomi maju lain (Yellen, 2017). European Central Bank juga mendapati faktor *global slack* dan integrasi ke dalam rantaian nilai global tidak menerangkan keadaan inflasi di kawasan euro (European Central Bank, 2017).

C. *Global slack* telah menjadi penentu utama inflasi di Asia-Pasifik

Kajian semasa mengenai topik ini memberi tumpuan terutamanya pada pengalaman ekonomi maju. Bagi mendapatkan perspektif baharu, rencana ini turut membincangkan hubungan antara *global slack* dengan inflasi domestik di 13 ekonomi Asia-Pasifik[7,8].

Rajah 2 meringkaskan hasil kajian empirikal untuk ekonomi Asia-Pasifik berdasarkan data tahunan antara tahun 1970 hingga 2015.

- *Domestic slack* mempunyai hubungan positif dengan inflasi, tetapi korelasinya menunjukkan trend yang menurun selepas tahun 1990, selaras dengan dapatan di ekonomi lain.
- *Global slack* merupakan penentu yang penting bagi inflasi domestik bagi ekonomi Asia-Pasifik. Hubungan antara inflasi dengan *global slack* juga adalah lebih kuat berbanding dengan *domestic slack*.
- Harga komoditi global dan kadar pertukaran merupakan penentu utama inflasi domestik.

Sebagai bukti sokongan kesan globalisasi terhadap inflasi, garis masa berkaitan dengan perubahan dinamik inflasi juga telah diberi perhatian. Sesetengah pemerhati mencadangkan bahawa pergantungan inflasi terhadap *global slack* telah menjadi lebih dominan sejak awal tahun 1990-an, apabila proses globalisasi meningkat dengan pesat (Borio dan Filardo, 2007).

Walau bagaimanapun, ekonomi Asia-Pasifik menunjukkan penemuan yang berbeza. Kesan langsung *global slack* nampaknya semakin lemah, walaupun terdapat kemungkinan bahawa *global slack* telah memberi kesan tidak langsung yang lebih kuat terhadap inflasi, melalui harga komoditi global dan kadar pertukaran. Khususnya, korelasi antara *global slack* dengan inflasi domestik menjadi semakin kukuh sebelum tahun 1990, tetapi menjadi bertambah lemah selepas itu. Sebaliknya, faktor global yang lain, seperti harga komoditi global dan kadar pertukaran, menjadi lebih dominan untuk menerangkan proses inflasi[9].

---


[6] Lihat Gerlach (2011) dan Tanaka dan Young (2008) untuk perbincangan lanjut mengenai ketidakpastian terhadap ukuran global slack.

[7] Analisis ini dilakukan dengan menganggarkan terlebih dahulu versi model hibrid iaitu model *New Keynesian Philips Curve* (NKPC) dengan domestic slack sahaja. Seterusnya, model ini dikembangkan dengan ukuran *global slack*. Negara-negara yang termasuk dalam kajian ini ialah RR China, Jepun, Thailand, Vietnam, Singapura, Korea, Filipina, Indonesia, Hong Kong, India, Malaysia, Australia dan New Zealand.

[8] Keluk Phillips yang standard selalunya mengandungi satu terma berkenaan dengan jangkaan inflasi (inflation expectations). Walau bagaimanapun, batasan data mengehadkan keupayaan kami untuk membangunkan proksi yang baik untuk jangkaan inflasi bagi tujuan anggaran ini.

[9] Perkembangan ini dapat dijelaskan sebahagiannya oleh kebergantungan yang lebih besar terhadap komoditi bagi pengeluaran barangan dan perkhidmatan.

Rajah 2: Hubung kait separa (partial correlation) antara inflasi dengan penentunya




Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Kesan langsung *global slack* terhadap inflasi yang lebih lemah ini mungkin tidak dijangka kerana globalisasi kelihatan meningkat dengan pesat hanya pada penghujung 1990-an. Bagi ekonomi Asia-Pasifik, peningkatan yang ketara dalam keterbukaan kewangan, keterbukaan perdagangan, dan integrasi ke dalam rantaian nilai global telah terbukti sejak tahun 1970 (Rajah 3).

Saluran-saluran khusus yang membolehkan globalisasi mengubah dinamik inflasi domestik wajar diberi perhatian. Kami menyiasat empat ciri globalisasi yang yang melaluinya *global slack* mempunyai pengaruh secara langsung terhadap inflasi. Keempat-empat ciri ini ialah (1) keterbukaan kewangan; (2) keterbukaan perdagangan; (3) integrasi ke dalam rantaian nilai global (GVC); dan (4) stok penghijrah. Secara intuitif, saluran yang lebih dominan akan mengurangkan dengan lebih ketara korelasi antara *domestic slack* dengan inflasi[10]. Analisis kami menunjukkan bahawa keterbukaan perdagangan dan GVC kelihatan telah mengurangkan korelasi antara inflasi dengan *domestic slack*, sementara kesan keterbukaan kewangan dan stok penghijrah kelihatan kecil dan tidak signifikan dari segi statistik. Dapatan ini menunjukkan bahawa saluran dominan dalam *global slack* yang mempunyai kesan lebih langsung terhadap inflasi domestik di negara-negara Asia-Pasifik ialah persaingan yang lebih sengit daripada pasaran global yang lebih besar (Saluran A dalam Rajah 1) dan proses perkilangan ke luar pesisir (Saluran C).

[10] Kami menghubungkan *domestic slack* atau *global slack* dengan langkah-langkah keterbukaan kewangan, keterbukaan perdagangan, integrasi ke dalam rantaian nilai global, dan stok penghijrah. Terma interaksi yang positif bagi *domestic slack*, misalnya, menunjukkan hubungan yang lebih kukuh antara inflasi dengan *domestic slack*, manakala terma interaksi yang negatif menunjukkan hubungan yang lebih lemah. Keterangan empirikal yang terperinci akan dihuraikan dalam kertas kerja yang akan datang.


Rajah 3: Ciri globalisasi bagi ekonomi Asia-Pasifik



Nota dan sumber:

1. Keterbukaan kewangan diukur dengan indeks Chinn-Ito, iaitu indeks yang mengukuh tahap keterbukaan akaun modal sesebuah negara. Sumber: Chinn dan Ito (2006).
2. Keterbukaan perdagangan diukur sebagai jumlah eksport dan import barangan dan perkhidmatan sebagai bahagian daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK). Sumber: Data akaun negara daripada Bank Dunia (World Bank) dan OECD.
3. Suatu ukuran rantaian nilai global ialah bahagian nilai ditambah dalam negeri daripada eksport, iaitu kandungan nilai ditambah dalam eksport di negara asal dibahagi dengan jumlah eksport kasar. Bagi negara yang mempunyai integrasi yang lebih besar dalam rantaian nilai global, tahap nilai ditambah dalam negeri adalah lebih rendah. Secara intuitif, tahap pembahagian pengeluaran yang lebih tinggi akan menandakan bahawa nilai ditambah bagi setiap negara dalam rantaian bekalan adalah lebih kecil. Sumber: Pangkalan data Johnson dan Noguera (2017).
4. Stok penghijrah ialah bahagian penduduk yang berkelahiran asing di sesebuah negara. Bahagian yang lebih besar mungkin menunjukkan potensi bekalan buruh yang lebih besar, melebihi jumlah yang boleh ditawarkan oleh penduduk tempatan. Sumber: United Nations Population Division, Trends in Total Migrant Stock: 2008 Revision.

Rajah 4: Kesan ciri globalisasi terhadap hubungan antara *domestic slack* dengan inflasi di Asia-Pasifik



Nota: ** menandakan tahap signifikan pada paras 5%.

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Kesimpulan

Secara ringkasnya, bukti-bukti empirikal dalam rencana ini menunjukkan betapa besarnya kesan faktor-faktor berkaitan globalisasi terhadap dinamik inflasi di ekonomi Asia-Pasifik. Hal ini menunjukkan bahawa faktor-faktor ini berpotensi untuk memberikan maklumat yang relevan kepada bank-bank pusat, dan tidak sepatutnya diabaikan ketika mengatur strategi dasar monetari. Tambahan pula, dengan tindak balas inflasi yang lebih lemah terhadap permintaan dalam negeri - iaitu keluk Phillips yang lebih mendatar – pengurusan inflasi dengan hanya menggunakan instrumen pengurusan permintaan mungkin bertambah sukar, dan instrumen tambahan mungkin diperlukan. Oleh itu, dasar struktur dapat memainkan peranan untuk memastikan persekitaran makroekonomi yang stabil dalam keadaan peralihan yang sedang berlaku berikutan globalisasi. Pendekatan ini telah diterima pakai oleh Bank Negara Malaysia dengan pertimbangan yang lebih meluas terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi ekonomi domestik, selaras dengan rangka kerja yang berteraskan pengurusan inflasi (inflation-anchoring).

Rujukan

Baxter, M., King, R.G., 1999. Measuring business cycles: approximate band-pass filters for economic time series. The Review of Economics and Statistics 81, 575–593.

Blanchard, O., Cerutti, E., Summers, L., 2015. Inflation and activity – two explorations and their monetary policy implications (Working Paper No. 21726). National Bureau of Economic Research.

Borio, C., Filardo, A., 2007. Globalisation and inflation: New cross-country evidence on the global determinants of domestic inflation (BIS Working Papers No. 227). Bank for International Settlements.

Calza, A., 2008. Globalisation, domestic inflation and global output gaps: Evidence from the euro area (Working Paper Series No. 890). European Central Bank.

Carney, M., 2017. [De]Globalisation and inflation. Presented at the 2017 IMF Michel Camdessus Central Banking Lecture.

Chinn, M.D., Ito, H., 2006. What matters for financial development? Capital controls, institutions, and interactions. Journal of Development Economics 81, 163–192.

European Central Bank (ECB), 2017. Domestic and global drivers of inflation in the euro area. ECB Economic Bulletin 72–96.

Gerlach, P., 2011. The global output gap: measurement issues and regional disparities. BIS Quarterly Review 29.

Ihrig, J., Kamin, S.B., Lindner, D., Marquez, J., 2010. Some simple tests of the globalization and inflation hypothesis*. International Finance 13, 343–375.

Johnson, R.C., Noguera, G., 2017. A portrait of trade in value-added over four decades. The Review of Economics and Statistics 99, 896–911.

Martinez-Garcia, E., Wynne, M.A., 2012. Global slack as a determinant of U.S. inflation (Globalization and Monetary Policy Institute Working Paper No. 123). Federal Reserve Bank of Dallas.

Milani, F., 2009. Does global slack matter more than domestic slack in determining US inflation? Economics Letters 102, 147–151.

Tanaka, M., Young, C., 2008. The economics of global output gap measures. Bank of England Quarterly Bulletin 48.

Yellen, J., 2017. Inflation, uncertainty, and monetary policy. Presented at the “Prospects for Growth: Reassessing the Fundamentals” 59th Annual Meeting of the National Association for Business Economics, Cleveland, Ohio.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

SOROTAN PENTING


- **Ringgit menunjukkan prestasi terbaik di rantau ini pada suku pertama.**
- **Prestasi pasaran kewangan domestik kukuh dalam keadaan aliran masuk bukan pemastautin yang disokong oleh perkembangan domestik yang positif meskipun terdapat ketidakpastian yang meruncing dalam pasaran kewangan global.**
- **Berikutan peningkatan OPR pada 25 Januari 2018, trend kadar faedah dalam pasaran**

Prestasi ringgit mengatasi mata wang serantau pada suku pertama 2018

Ringgit terus menambah nilai berbanding dengan dolar AS dan mata wang serantau pada suku pertama tahun ini. Kekukuhan ringgit didorong terutamanya oleh aliran masuk portfolio bukan pemastautin ekoran pelarasan kepada tahap akomodasi monetari oleh Bank Negara Malaysia yang dilihat sebagai tanda prospek pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Harga minyak mentah global yang lebih tinggi pada suku pertama juga, sedikit sebanyak, memberi sokongan kepada mata wang negara pengeksport komoditi, termasuk ringgit. Ringgit dan mata wang serantau mengalami volatiliti yang lebih tinggi pada suku pertama ekoran ketidaktentuan dalam kadar pengembalian dasar monetari di Amerika Syarikat ke paras yang wajar dan kebimbangan mengenai kesan daripada ketegangan perdagangan yang semakin meningkat. Pada masa hadapan, nilai ringgit akan terus didorong oleh gabungan faktor luaran dan domestik. Ini termasuk penentuan masa dan kadar dasar monetari oleh bank pusat utama, perkembangan geopolitik global, dan prestasi ekonomi domestik.

Kebanyakan mata wang serantau menambah nilai berbanding dengan dolar AS


Rajah 21: Ringkasan Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding dengan Dolar AS (1 Januari - 30 Mac 2018)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keluk kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia mendatar pada suku pertama


Rajah 22: Gerakan Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pasaran ekuiti domestik meningkat pada suku pertama

Rajah 23: Prestasi Pasaran Serantau



Sumber: Bloomberg dan pengiraan Bank Negara Malaysia

Prestasi yang turun naik dalam kadar hasil bon kerajaan di tengah-tengah pasaran kewangan global yang tidak menentu

Pada awal suku pertama, kadar hasil bon meningkat seiring dengan kenaikan OPR dan pasaran kewangan global yang tidak menentu berikutan jangkaan bahawa Federal Reserve akan mengembalikan kadar faedah ke paras wajar dengan lebih cepat. Tekanan menaik ini mereda pada bulan Mac 2018. Permintaan pelabur bukan pemastautin meningkat berikutan berkurangnya ketidakpastian mengenai kenaikan kadar faedah AS disebabkan oleh pertumbuhan upah yang lebih perlahan di AS. Bagi suku pertama secara keseluruhan, kadar hasil MGS 3 tahun dan 10 tahun masing-masing meningkat 10.1 dan 3.2 mata asas, sementara kadar hasil MGS 5 tahun menurun sebanyak 1.4 mata asas.

Walaupun terdapat ketidakpastian yang lebih ketara dalam pasaran kewangan global, FBM KLCI meningkat pada suku pertama

Pada suku pertama, FBM KLCI meningkat sebanyak 3.7% untuk ditutup pada 1,863.5 mata pada akhir bulan Mac 2018 (akhir bulan Disember 2017: 1,796.8 mata). Pasaran ekuiti domestik mengalami aktiviti pembelian yang kukuh daripada pelabur bukan pemastautin didorong terutamanya oleh sentimen yang positif dalam pasaran domestik berikutan harga minyak mentah global yang meningkat dan prestasi ringgit yang lebih kukuh. Sentimen dalam pasaran domestik semakin bertambah baik dengan pengumuman pertumbuhan KDNK S4 2017 yang lebih tinggi daripada jangkaan. Walau bagaimanapun, trend menaik ini sebahagiannya diimbangi oleh penurunan pasaran ekuiti domestik sejajar dengan ketidaktentuan dalam pasaran ekuiti AS disebabkan oleh ketidakpastian dalam pelarasan kadar faedah AS ke paras yang wajar dan kebimbangan terhadap ketegangan perdagangan.


Kadar faedah meningkat pada suku pertama disebabkan oleh kenaikan OPR

Berikutan peningkatan OPR pada 25 Januari 2018, kadar faedah dalam pasaran borong dan runcit turut meningkat. Dalam pasaran antara bank, kesan pelarasan telah berlaku dengan cepat pada kadar yang hampir sepenuhnya. KLIBOR 3 bulan meningkat sebanyak 25 mata asas kepada 3.69% (S4 2017: 3.44%). Begitu juga kadar deposit tetap (FD) nominal yang turut meningkat berikutan pelarasan OPR. Peningkatan ini berlaku dalam julat daripada 21 mata asas kepada 23 mata asas bagi tempoh 1 hingga 12 bulan. Hasilnya, kadar FD sebenar menjadi positif berikutan peningkatan kadar nominal dan inflasi yang lebih rendah pada suku tersebut.

Bagi segmen runcit, transmisi OPR kepada kadar asas (BR) adalah kukuh, dengan kebanyakan bank meningkatkan BR mereka sebanyak 25 mata asas untuk mencatat purata berwajaran semasa sebanyak 3.89% (S4 2017: 3.64%). Pada akhir suku pertama, kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran untuk pinjaman terkumpul turut meningkat sebanyak 22 mata asas kepada 5.43% (S4 2017: 5.22%).

Kadar faedah meningkat berikutan peningkatan OPR


Rajah 24: Kadar Deposit Tetap, Kadar Asas dan Kadar Pinjaman Purata, pada Akhir Tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar deposit benar kembali positif, mencerminkan OPR yang lebih tinggi dan inflasi yang lebih rendah


Rajah 25: Kadar Deposit Tetap Benar (mengikut kematangan), pada Akhir Tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Lebihan mudah tunai ringgit terkumpul di Bank Negara Malaysia meningkat pada suku ini

Rajah 26: Lebihan Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia, pada Akhir Tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan pembiayaan bersih disokong oleh pertumbuhan pinjaman dan bon korporat

Rajah 27: Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih



* Pembiayaan bersih terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan IKP terkumpul, dan bon korporat terkumpul

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan mudah tunai kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan

Dalam sistem perbankan, keadaan mudah tunai kekal mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Tahap lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia juga meningkat, mencerminkan keseluruhan aliran masuk modal bersih pada suku tersebut. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai.

Pembiayaan bersih mampan pada suku pertama

Pertumbuhan pembiayaan bersih mampan pada 6.3% pada suku pertama 2018 (S4 2017: 6.4%), mencerminkan pertumbuhan pinjaman terkumpul[7] yang kukuh (S1 2018: 3.9%; S4 2017: 3.8%). Terbitan bersih bon korporat[8] terkumpul terus berada pada kadar pertumbuhan dua digit pada suku pertama sebanyak 14.2% (S4 2017: 15.4%). Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul adalah stabil pada 1.3% (S4 2017: 1.3%), disokong terutamanya oleh sektor *harta tanah*; *pembinaan*; dan *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan*. Berbanding dengan suku sebelumnya, pertumbuhan dan tahap pengeluaran pinjaman perniagaan keseluruhan pada suku pertama adalah lebih tinggi daripada pembayaran balik, terutamanya untuk perniagaan selain daripada PKS. Pinjaman kepada PKS mencatat pertumbuhan yang sederhana pada 5.1% (S4 2017: 5.3%) dan jumlah pinjaman yang dikeluarkan pada suku tersebut terus mampan (S1 2018: RM75.9 bilion; S4 2017: RM 78.4 bilion). Pertumbuhan pinjaman isi rumah meningkat kepada 5.2% dalam tempoh tersebut (S4 2017: 4.9%), didorong terutamanya oleh pinjaman untuk *pembelian harta kediaman* dan *sekuriti*.

[7] Pinjaman yang diberikan oleh kedua-dua sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

[8] Bon korporat tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, Danaharta, Danamodal dan bukan pemastautin.

Mengurus Risiko Kepada Kestabilan Kewangan

SOROTAN PENTING

- **Sektor perniagaan dan isi rumah terus menunjukkan keupayaan membayar balik hutang yang kukuh.**
- **Kestabilan kewangan domestik dijangka terpelihara, disokong oleh institusi kewangan yang teguh serta keadaan pasaran dan mudah tunai yang teratur.**

Kestabilan kewangan mampan, disokong oleh pengantaraan kewangan dan keadaan pasaran domestik yang teratur


Aktiviti pengantaraan kredit terus menyokong aktiviti ekonomi benar. Risiko kredit terus stabil, disokong oleh keupayaan isi rumah dan sektor perniagaan yang kukuh untuk membayar balik hutang. Pasaran kewangan domestik terus berada dalam keadaan teratur meskipun keadaan turun naik yang meningkat yang didorong oleh perkembangan luar negeri. Institusi kewangan dalam negeri menunjukkan daya tahan dengan kualiti aset yang kukuh, tahap keberuntungan yang teguh dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Ini terus menyokong kestabilan kewangan secara keseluruhan.

Sektor isi rumah dan perniagaan terus berupaya membayar balik hutang

Hutang isi rumah[9] meningkat pada kadar tahunan 5.2% pada suku pertama 2018 (2017: 4.9%). Daripada jumlah ini, pinjaman oleh sistem perbankan[10] kepada isi rumah mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada 5.4% (S4 2017: 4.9%) manakala pertumbuhan pinjaman yang diberikan oleh institusi kewangan pembangunan dan institusi kewangan bukan bank (non-bank financial institutions, NBFI) menjadi sederhana kepada 4.3% (S4 2017: 5.1%).

Pengembangan aset kewangan isi rumah terus mengatasi hutang

Rajah 28: Hutang dan Aset Kewangan Sektor Isi Rumah




Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Jabatan Perangkaan Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan pengiraan dalaman

[9] Pinjaman diberikan oleh bank (termasuk MBSB Bank), institusi kewangan pembangunan dan NBFI utama.
[10] Termasuk MBSB Bank.

Jumlah peminjaman perniagaan didorong oleh terbitan korporat yang stabil dalam pasaran modal

Rajah 29: Hutang Korporat Bukan Kewangan kepada KDNK



Sumber: Bank Negara Malaysia

Peningkatan keseluruhan hutang isi rumah berpunca daripada pinjaman untuk pembelian harta tanah kediaman (sumbangan kepada pertumbuhan pada S1 2018: 4.4 mata peratusan; 2017: 4.3 mata peratusan), terutamanya untuk rumah berharga antara RM500,000 dan RM750,000. Kenaikan ini turut disokong oleh pinjaman untuk pembelian sekuriti (sumbangan kepada pertumbuhan pada S1 2018: 0.3 mata peratusan; 2017: 0.1 mata peratusan), dalam unit amanah serta ekuiti.

Keupayaan keseluruhan isi rumah untuk membayar balik hutang dijangka kekal kukuh, disokong oleh pertumbuhan gaji yang lebih tinggi berikutan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan. Aset kewangan isi rumah agregat dan aset kewangan mudah tunai kekal mencukupi, masing-masing pada 2.1 dan 1.5 kali hutang. Selain itu, pertumbuhan aset kewangan isi rumah (7.2%) terus mengatasi hutang (5.2%) untuk suku tahun kelima berturut-turut. Pada akhir suku pertama 2018, jumlah hutang isi rumah mencakupi 84% (S4 2017: 84.2%) daripada KDNK. Tidak termasuk pinjaman oleh bukan bank, jumlah pinjaman sistem perbankan kepada isi rumah sebagai peratusan daripada KDNK adalah 69.2% (S4 2017: 69.3%).

Kualiti aset keseluruhan bank dan bukan bank kekal teguh. Nisbah terjejas agregat untuk pinjaman kepada isi rumah stabil pada 1.6%, manakala agregat nisbah delinkuensi bertambah baik pada 1.2% (S4 2017: 1.4%). Penilaian kemampuan pinjaman oleh pemberi pinjaman yang diperkukuh terus menyumbang kepada penurunan risiko ketidakseimbangan kewangan berpunca daripada sektor isi rumah. Majoriti peminjam isi rumah baharu mempunyai nisbah khidmat hutang (debt service ratios, DSR) yang berhemat dan sebahagian besarnya mempunyai DSR yang lebih rendah daripada 60%. Peratusan jumlah peminjaman oleh peminjam yang mudah terjejas (mereka yang meraih pendapatan bulanan kurang daripada RM3,000) makin menyusut dan mencakupi 19.9% daripada jumlah hutang isi rumah menjelang akhir tahun 2017 (2016: 21.9%). Di bawah senario yang disimulasi berdasarkan andaian kebarangkalian mungkir yang digandakan sebanyak tiga kali dan kerugian akibat mungkir yang teruk, potensi kerugian kepada bank daripada kumpulan isi rumah yang mudah terjejas dianggarkan kurang daripada 10% daripada lebihan penampan modal bank (melebihi jumlah pengawalseliaan minimum).

Jumlah peminjaman oleh sektor perniagaan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 5.1% pada suku pertama 2018 (S4 2017: 3.2%). Ini didorong oleh perolehan dana yang bertambah dalam pasaran modal yang meningkat sebanyak 15.3% (S4 2017: 14.3%), dipacu oleh syarikat bukan kewangan dalam sektor infrastruktur, utiliti dan harta tanah. Peminjaman luar negeri korporat adalah lebih tinggi kerana nilai peminjaman baharu mengimbangi kesan penilaian kadar pertukaran yang positif. Peminjaman baharu terutamanya mencakupi peminjaman oleh syarikat dalam sektor perkilangan dan minyak dan gas (oil and gas, O&G). Pembiayaan oleh bank dan institusi kewangan pembangunan kepada perniagaan terus mampan pada 1.3% (S4 2017: 1.3%). Daripada jumlah ini, pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berkembang sebanyak 5.1% pada suku pertama (S4 2017: 5.3%).

Kedudukan kewangan syarikat kekal kukuh susulan permintaan dalam dan luar negeri yang bertambah baik. Hutang syarikat bukan kewangan (non-financial corporations, NFC)[11] purata seperti yang diukur oleh median nisbah hutang kepada ekuiti menurun pada S4 2017 (47%; S3 2017: 51.9%). Hal ini berpunca daripada paras hutang yang lebih rendah dalam kalangan syarikat dalam sektor telekomunikasi, pengangkutan dan berkaitan pembinaan.


Secara agregat, keupayaan membayar balik hutang dan kedudukan mudah tunai kekal kukuh. Median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) kekal pada 9.6 kali pada S4 2017 (S3 2017: 9.6 kali), nyata melebihi tahap berhemat sebanyak dua kali. Median nisbah tunai kepada hutang jangka pendek semasa (cash-to-short-term debt ratio, CASTD) juga melebihi tahap berhemat sebanyak satu kali, pada 1.5 kali pada S4 2017 (S3 2017: 1.6 kali). Secara keseluruhan, nisbah pinjaman terjejas dan pinjaman delinkuen pada S1 2018 terus rendah, masing-masing pada 2.6% dan 0.3% daripada jumlah peminjaman bank kepada perniagaan (S4 2017: masing-masing 2.5% dan 0.3%).

Nisbah pinjaman terjejas dalam sektor minyak dan gas (O&G) meningkat kepada 8.7% (S4 2017: 5.5%), pada suku pertama tahun 2018. Pinjaman terjejas yang lebih tinggi ini didorong oleh syarikat bukan PKS dalam segmen perkapalan dan fabrikasi. Risiko kepada sistem perbankan berikutan dedahan kepada sektor berkaitan O&G kekal kecil (6% daripada jumlah dedahan domestik kepada

[11] Berdasarkan 120 syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak 85% (tidak termasuk institusi kewangan).
[12] Berdasarkan 94 pemaju harta tanah yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Aktiviti pasaran perumahan meningkat pada S4 2017


Rajah 30: Jumlah dan Nilai Transaksi Harta Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Kadar sewa kompleks membeli-belah meningkat pada S4 2017

Rajah 31: Kadar Kekosongan dan Kadar Sewa Ruang Pejabat dan Kompleks Membeli-belah



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Knight Frank, Jones Lang Wootton dan pengiraan dalaman

perniagaan), dan bank telah membuat peruntukan penuh untuk jangkaan kerugian kredit. Jangkaan perbelanjaan modal lebih tinggi oleh syarikat minyak utama pada tahun ini dalam keadaan trend harga minyak yang meningkat dijangka memberi kesan yang positif kepada perolehan penyedia perkhidmatan dalam sektor ini pada masa hadapan.

Kenaikan yang kecil dalam aktiviti pasaran perumahan masih belum membawa kesan kepada peningkatan keupayaan pembayaran balik hutang dalam sektor harta tanah. Nisbah pinjaman terjejas meningkat sedikit kepada 1.9% daripada jumlah peminjaman bank kepada perniagaan dalam sektor harta tanah (S4 2017: 1.7%), yang sebahagian besarnya didorong oleh PKS dalam segmen perkhidmatan harta tanah. Median ICR dan median CASTD pemaju harta tanah[12] adalah stabil, masing-masing pada 5.7 kali dan 0.9 kali (S3 2017: masing-masing 5.8 kali dan 0.8 kali). Risiko kepada kestabilan kewangan domestik yang timbul daripada dedahan kepada pemaju harta tanah kekal minimum. Berdasarkan analisis kepekaan yang dijalankan terhadap dedahan kredit keseluruhan bank (termasuk pelaburan dalam bon dan sukuk) kepada pasaran harta tanah dan sektor yang berkaitan, bank mempunyai penampan yang cukup untuk menyerap jangkaan kerugian terkumpul (sila rujuk kepada Bab 1 Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2017).

Peningkatan sederhana dalam aktiviti pasaran perumahan

Dalam pasaran perumahan, jumlah dan nilai urus niaga perumahan masing-masing meningkat sebanyak 1.6% dan 9.7% pada S4 2017 (S3 2017: masing-masing -4.2% dan 8.7%). Perkembangan yang lebih baik ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh urus niaga pembelian rumah berharga antara RM500,000 dan RM1 juta. Harga rumah (seperti yang diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia) meningkat sebanyak 6.5% pada S3 2017 (S2 2017: 6.8%; S4 2017 awalan: 5.8%). Trend peningkatan yang serupa dicatat merentas hampir semua jenis rumah dan negeri.

Bank terus menyediakan pinjaman untuk pembelian harta tanah kediaman kepada peminjam yang layak, termasuk pembeli rumah kali pertama. Pada suku pertama 2018, pinjaman terkumpul yang diberikan oleh bank untuk pembiayaan rumah tidak berubah pada 8.9% pada asas tahunan (S4 2017: 8.9%). Kadar kelulusan pinjaman

[12] Berdasarkan 94 pemaju harta tanah yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

perumahan untuk pembelian rumah berharga kurang daripada RM500,000 ialah 71.5%, dan kebanyakan negeri utama mencatat kadar kelulusan pinjaman perumahan melebihi 70%.

Permintaan terhadap pembiayaan bagi pembelian rumah bersifat spekulasi kekal rendah. Pada suku tersebut, bahagian jumlah pinjaman perumahan yang dijelaskan dalam tempoh tiga tahun (tempoh lazim yang diperlukan untuk pembinaan selesai selepas harta tanah diperolehi) ialah 7.5% daripada jumlah pinjaman perumahan yang diselesaikan (S4 2017: 7.9%). Pertumbuhan tahunan jumlah peminjam yang mempunyai tiga atau lebih pinjaman perumahan terkumpul (proksi untuk pembeli spekulatif) kekal rendah pada 0.8% (S4 2017: 0.9%). Kualiti kredit bagi pinjaman perumahan secara keseluruhan terus kukuh, dan nisbah pinjaman terjejas dan delinkuensi terus rendah pada 1.1% daripada jumlah pinjaman bank (S4 2017: masing-masing 1% dan 1.3%).


Situasi lebihan bekalan dalam segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah masih berterusan meskipun kadar sewa meningkat sedikit untuk kompleks membeli-belah tertentu di lokasi terpilih. Risiko langsung kepada bank akibat dedahan pembiayaan akhir kepada segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah kekal kecil pada 3.1% daripada jumlah pinjaman bank. Bank-bank tetap meneruskan amalan pemberian pinjaman dan penilaian yang mantap meskipun lebihan bekalan dalam segmen ini adalah nyata. Bank-bank kekal berhati-hati dalam memberi pinjaman kepada segmen ini. Ini dilihat dalam kadar kelulusan pinjaman yang lebih rendah untuk pembinaan dan pembelian harta tanah sedemikian (S1 2018: masing-masing 62% dan 71.3%; S4 2017: masing-masing 66.9% dan 74.7%). Nisbah delinkuensi dan pinjaman terjejas bagi segmen harta tanah bukan kediaman kekal rendah masing-masing pada 0.6% dan 1.3% (S4 2017: masing-masing 0.7% dan 1.2%).

Keadaan pasaran kewangan domestik teratur meskipun dalam keadaan turun naik yang meningkat

Sentimen pelabur dipengaruhi oleh perkembangan yang berlaku di luar negara. Ini termasuk pembetulan dalam pasaran ekuiti global pada awal bulan Februari, kenaikan kadar faedah oleh Federal Reserve pada bulan Mac dan kebimbangan yang meruncing tentang pertikaian dagangan antara AS dan RR China. Dalam keadaan ketidakpastian yang berterusan, turun naik keseluruhan dalam pasaran kewangan domestik meningkat. Purata turun naik 90-hari FBM KLCI dan ringgit meningkat masing-

Pelaburan pemastautin di luar negeri menyumbang kepada aliran keluar portfolio bersih


Rajah 32: Aliran Portfolio Bersih dan Kasar dan Pergerakan Kadar Pertukaran Ringgit Pasaran Kewangan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Mudai tunai sistem perbankan mencukupi untuk menampung kejutan mudah tunai yang teruk

Rajah 33: Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

purata turun naik 90-hari kadar hasil MGS 10 tahun menyusut kepada 7.3% (S4 2017: 9.9%).

Pada suku pertama 2018, pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM2.6 bilion (S4 2017: aliran masuk bersih sebanyak RM11.6 bilion) disebabkan terutamanya oleh peningkatan semula pemerolehan bersih aset kewangan asing oleh pengurus dana dan bank pemastautin. Walau bagaimanapun, hal ini diimbangi sebahagiannya oleh pelaburan bukan pemastautin dalam pasaran ekuiti dan bon kerajaan. Pemegangan bon kerajaan dalam kalangan pelabur bukan pemastautin menurun sedikit kepada 27.4% (S4 2017: 27.7%) daripada jumlah bon kerajaan Malaysia terkumpul. Komposisi pelabur bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan secara amnya tidak berubah, dengan sebahagian besar pemegangan terdiri daripada pelabur jangka panjang seperti bank pusat, kerajaan, dana pencen dan syarikat insurans (52% daripada jumlah pemegangan bukan pemastautin). Selain itu, pemegangan bukan pemastautin sebahagian besarnya tertumpu pada bon jangka sederhana dan jangka lebih panjang melebihi 3 tahun (68%).

Bahagian penyertaan bukan pemastautin dalam pasaran ekuiti domestik meningkat kepada 24.2% daripada jumlah permodalan pasaran ekuiti (S4 2017: 23.2%). FBM KLCI mengakhiri suku pertama pada 1,863.46 mata (S4 2017: 1,796.81 mata), dan mencatat paras tertinggi 1,876.87 mata pada 22 Mac 2018 namun selepas itu mencatat angka lebih rendah berikutan pengumuman tarif yang lebih tinggi oleh AS terhadap import dari RR China. Nisbah harga kepada perolehan (price-to-earnings, PE) bagi FBM KLCI ialah 17.6 kali (S4 2017: 16.2 kali; purata 2010-2017: 16.8 kali).

Mudah tunai pasaran kekal mencukupi. Purata spread bida-tawar MGS dan FBM KLCI tidak berubah, masing-masing pada 0.1% dan 0.4% daripada harga pertengahan (S4 2017: masing-masing 0.1% dan 0.4%). Purata harian spread bida-tawar USD/MYR adalah 26.1 pip (S4 2017: 24.3 pip). Mudah tunai dalam pasaran pertukaran asing bertambah baik, apabila jumlah urus niaga untuk semua pasangan mata wang meningkat kepada purata harian sebanyak USD11.2 bilion (S4 2017: USD9.9 bilion).

Ringgit terus menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 5.2% untuk mengakhiri suku pertama pada RM3.8620 bagi setiap dolar AS (S4 2017: RM4.0620). Trend yang sama juga dilihat apabila berbanding dengan kebanyakan mata wang utama lain. Walau bagaimanapun, spread mudah tunai AS dalam negeri untuk jangka panjang, seperti yang dicerminkan oleh spread swap asas mata wang

bersilang 5 tahun, melebar kepada 40 mata asas (S4 2017: 25 mata asas) berikutan perkembangan luar negara yang menjejaskan sentiman pasaran. Spread swap kemungkiran kredit kerajaan 5 tahun meningkat kepada 73.1 mata asas, meskipun kekal lebih rendah berbanding dengan angka tertinggi yang dicatat pada tahun 2017 iaitu 139.6 mata (S4 2017: 58.4 mata).

Dedahan risiko pasaran sebahagian besarnya ditangani melalui strategi pengurusan risiko

Dedahan risiko pasaran agregat bank-bank terus stabil. Risiko pertukaran asing (foreign exchange, FX), seperti yang diukur dari segi kedudukan terbuka bersih dedahan dalam denominasi mata wang asing, menurun kepada 5.3% daripada jumlah modal (S4 2017: 6.1%). Risiko kadar faedah dalam akaun perdagangan dan risiko ekuiti kekal rendah masing-masing pada 1.1% dan 0.8% daripada jumlah modal (S4 2017: masing-masing 1% dan 1.9%). Risiko kadar faedah dalam buku perbankan turut menurun kepada 3.3% (S4 2017: 3.7%) daripada jumlah modal.

Bagi industri insurans dan takaful, dedahan risiko pasaran adalah sebanyak 14.9% (S4 2017: 15.4%) daripada jumlah modal yang tersedia. Risiko ekuiti, yang membentuk sebahagian besar daripada dedahan risiko pasaran bagi syarikat insurans, menyusut sedikit kepada 9% (S4 2017: 9.1%) daripada jumlah modal tersedia.


Keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi terus menyokong aktiviti pengantaraan

Lebihan mudah tunai ringgit terkumpul yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia berjumlah RM198.5 bilion pada akhir suku pertama 2018 (S4 2017: 188.7 bilion) dalam bentuk simpanan, repo berbalik dan rizab berkanun. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR)[13] untuk sistem perbankan ialah 141% pada akhir bulan Mac 2018 (S4 2017: 135%). Semua bank mencatat tahap LCR yang jauh melebihi tahap pengawalselian minimum semasa sebanyak 90%.

[13] LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100%, berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2018, keperluan minimum telah ditetapkan pada 90%.

Kualiti aset sistem perbankan kukuh

Rajah 34: Kualiti Aset Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pendanaan domestik kekal stabil pada suku pertama. Kos deposit[14] purata bank dan KLIBOR 3 bulan meningkat masing-masing sebanyak 2.54% dan 3.69% pada akhir suku pertama 2018 (S4 2017: masing-masing 2.51% dan 3.43%) berikutan kenaikan kadar dasar semalaman (overnight policy rate, OPR) sebanyak 25 mata asas. Pendanaan bank sebahagian besarnya tetap terdiri daripada deposit (70.1% daripada jumlah pendanaan) dan berada dalam mata wang tempatan. Secara agregat, deposit bank termasuk akaun pelaburan Islam mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5.2% (S4 2017: 4%), disokong oleh pertumbuhan deposit sektor perniagaan (S1 2018: 11.3%, S4 2017: 7.1%). Bank-bank mengekalkan struktur pendanaan yang pelbagai melalui penggunaan instrumen pendanaan denominasi ringgit dan mata wang asing jangka sederhana. Nisbah pinjaman kepada dana[15] (loan-to-funds, LTF), yang mengambil kira struktur pendanaan bank-bank Malaysia yang lebih luas ialah 82.4% (S4 2017: 84%).

Institusi kewangan mencatat tahap permodalan yang kukuh dan keberuntungan yang mampan

Tahap permodalan institusi kewangan Malaysia kekal kukuh. Dalam sistem perbankan, nisbah modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1, nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal melepasi tahap keperluan pengawalseliaan minimum masing-masing sebanyak 13.2%, 14% dan 17.5% (S4 2017: masing-masing 13.5%, 14.5% dan 17.3%). Begitu juga, sektor insurans dan takaful melaporkan nisbah kecukupan modal agregat pada 237.3% (S4 2017: 233.8%), melebihi paras keperluan minimum sebanyak 130%.

Di peringkat sistem perbankan, kualiti aset kekal kukuh. Nisbah pinjaman terjejas kasar keseluruhan berjumlah 1.57% (S4 2017: 1.54%). Berikutan penerimaan pakai MFRS 9[16] pada bulan Januari 2018, paras peruntukan bank meningkat kepada RM23.7 bilion (S4 2017: RM20.1 bilion). Peningkatan ini memang dijangkakan kerana kaedah peruntukan jejas nilai telah ditambah baik di bawah piawaian yang baharu ini. Kesannya, nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab berkanun) adalah lebih tinggi pada 126.9% (S4 2017: 114.7%).

[14] Kos deposit purata dikira berdasarkan purata 12 bulan bergerak perbelanjaan faedah bagi deposit terkumpul dibahagi jumlah deposit terkumpul.
[15] Dana terdiri daripada deposit dan semua instrumen hutang yang diterbitkan (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/ sukuk, kertas komersial dan nota berstruktur).
[16] Standard Pelaporan Kewangan Malaysia 9: Instrumen Kewangan.

Pendapatan faedah bersih daripada aktiviti pemberian pinjaman / pembiayaan terus mampan sementara pendapatan lebih tinggi dicatat oleh aktiviti perbendaharaan. Ini diimbangi oleh pendapatan yang berkurangan daripada sumber-sumber tidak berulang (contohnya dividen dan penjualan aset bukan semasa). Begitu juga, keuntungan sebelum cukai sistem perbankan menurun kepada RM9 bilion (S4 2017: RM10 bilion) pada suku pertama 2018. Margin pembiayaan (termasuk faedah) bersih bank selepas ditolak kos operasi dan peruntukan kerugian meningkat kepada 0.81 mata peratusan (purata S4 2017: 0.71 mata peratusan), disebabkan terutamanya kutipan semula yang lebih tinggi daripada pinjaman terjejas.

Dalam sektor insurans dan takaful, penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga mencatat lebihan pendapatan yang lebih rendah berbanding dengan perbelanjaan sebanyak RM4.0 bilion (S4 2017: RM 4.9 bilion). Ini sebahagiannya disebabkan oleh kerugian modal bersih daripada penilaian yang lebih rendah untuk sekuriti hutang yang dipegang. Keuntungan operasi penanggung insurans am dan pengendali takaful juga merosot kepada RM563.3 juta pada suku pertama (S4 2017: RM783.4 juta) didorong oleh kos tuntutan yang lebih tinggi dalam perniagaan motor. Nisbah tuntutan industri keseluruhan meningkat kepada 56.9% (S4 2017: 54.9%).

imSME, platform rujukan SME dalam talian, mengurangkan kos carian untuk perniagaan

Platform imSME yang dilancarkan oleh Credit Guarantee Corporation (CGC) pada 9 Februari 2018 menemukan PKS dengan produk pembiayaan yang sesuai mengikut profil perniagaan, kedudukan kredit dan keperluan pembiayaan mereka. Pada masa ini imSME menawarkan 28 produk pembiayaan dari 15 institusi, termasuk produk konvensional dan Islam. Pada 3 April 2018, RM2.4 juta pembiayaan kepada PKS telah diluluskan hasil daripada padanan melalui platform ini yang berjaya.

Penggunaan platform imSME berkesan dalam mengurangkan kos carian untuk perniagaan yang ingin mendapatkan pembiayaan. PKS yang sebelum ini perlu berkunjung ke beberapa bank untuk mencari pembiayaan, berjaya mengurangkan tempoh perjalanan dan masa menunggu sehingga 3 jam[17] bagi setiap institusi kewangan. Di samping itu, PKS dapat menjimatkan masa sehingga 10 hari dalam menyediakan dokumentasi pinjaman, lantas melapangkan masa untuk mereka memberi tumpuan pada operasi perniagaan teras mereka.

Pasukan Penasihat Kewangan yang berdedikasi juga ditubuhkan oleh CGC untuk menjalankan diagnostik dan menyediakan bantuan berstruktur kepada pemohon yang tidak dapat dipadankan dan ditolak, sekali gus memberi manfaat kepada 350 PKS setakat ini. Kebanyakan PKS yang tidak dapat dipadankan atau ditolak didapati telah memberikan maklumat kewangan yang tidak tepat, yang akhirnya menjejaskan peluang mereka untuk mendapatkan pembiayaan. Pasukan Penasihat Kewangan menyediakan pelbagai bentuk khidmat nasihat yang disasarkan bagi menangani cabaran khusus yang dihadapi oleh PKS, termasuk:

- Memberi nasihat dan bimbingan mengenai penyediaan maklumat yang betul untuk mengemukakan semula permohonan pembiayaan;
- Memberi nasihat tentang jumlah dan tempoh pembiayaan yang lebih sesuai dengan kemampuan untuk bayar balik;
- Rujukan kepada agensi pembangunan bina upaya seperti Pusat Pembangunan dan Penyelidikan (Centre for Development and Research, CEDAR) dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) untuk bantuan dari segi pengurusan kewangan dan perancangan perniagaan bagi meningkatkan kelayakan untuk pembiayaan; dan
- Maklumat mengenai saluran pembiayaan alternatif, termasuk platform pembiayaan “peer-to-peer” (P2P) untuk PKS yang tidak mempunyai rekod prestasi kewangan.

Platform imSME boleh diakses di https://imsme.com.my

[17] Berdasarkan soal selidik yang dijalankan oleh CGC mengenai pemohon imSME yang berjaya, bagi menentukan impak imSME terhadap perniagaan yang memohon pembiayaan.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN PENTING

- **MPC mengekalkan kadar dasar pada bulan Mac dan Mei dalam memastikan tahap akomodatif monetari terus konsisten untuk mengekalkan haluan pertumbuhan yang stabil dalam keadaan inflasi yang lebih rendah.**

OPR kekal akomodatif

Pada bulan Januari 2018, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) mengembalikan tahap akomodatif monetari ke paras yang wajar dengan menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25%. Prestasi pertumbuhan yang kukuh di Malaysia pada tahun 2017 dijangka berterusan sepanjang tahun 2018, dalam keadaan pengembangan ekonomi dunia yang lebih meluas, kukuh dan terselaras. Inflasi keseluruhan dijangka rendah pada tahun 2018, berikutan jangkaan kesan yang lebih kecil daripada faktor kos global, sementara kadar pertukaran ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan tahun 2017 akan mengurangkan kos import. Paling utama, pelarasan yang dilakukan pada bulan Januari bukanlah suatu tindakan untuk mengetatkan keadaan monetari, tetapi merupakan tindakan untuk mengembalikan tahap akomodatif monetari ke paras yang wajar dalam memastikan pertumbuhan terus mampan.

Pada mesyuarat yang berikutnya pada awal bulan Mac dan Mei, MPC mengekalkan kadar OPR. MPC menilai bahawa tahap akomodatif monetari selepas pelarasan pada bulan Januari adalah konsisten dengan pendirian dasar bagi memastikan haluan pertumbuhan ekonomi dalam negeri terus stabil dalam keadaan inflasi yang lebih rendah. Pada akhir bulan Mac, Bank telah menyiarkan unjuran untuk tahun 2018 bagi pertumbuhan yang berterusan dalam lingkungan 5.5% - 6.0%, dan untuk inflasi keseluruhan yang lebih rendah dalam lingkungan 2.0% - 3.0%.

Meskipun terdapat risiko prospek pertumbuhan global yang lebih perlahan daripada potensi perdagangan yang merosot dan ketegangan geopolitik yang menyebabkan turun naik dalam pasaran kewangan antarabangsa, risiko terhadap prospek pertumbuhan global terus seimbang. Namun, MPC akan terus memantau dengan rapi perkembangan risiko terhadap prospek ekonomi, termasuk impak pelarasan OPR pada bulan Januari 2018.

Walaupun turun naik yang berlaku pada waktu ini adalah disebabkan perkembangan luar negeri, pasaran kewangan domestik kekal berdaya tahan. Sektor kewangan terus kukuh dan keadaan monetari, pembiayaan dan kewangan menyokong pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran pascapilihan raya. Operasi monetari Bank akan memastikan bahawa keadaan mudah tunai domestik kekal mencukupi bagi menyokong pasaran kewangan domestik supaya berfungsi dengan teratur.

Sorotan dasar lain

Memandangkan terdapat percambahan pesat dalam urus niaga mata wang digital di Malaysia dan risiko yang berkaitan dengannya, Bank telah mengeluarkan satu dokumen dasar yang menggariskan beberapa obligasi yang berkaitan dengan pengurup mata wang digital (digital currency exchangers, DCE) sebagai institusi pelaporan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA). Dasar ini bertujuan untuk menyokong aktiviti pengawasan dan menyediakan perlindungan yang berkesan bagi risiko pembiayaan wang haram/pembiayaan keganasan (ML / TF) yang berkaitan dengan penggunaan mata wang digital. Ia juga berfungsi untuk meningkatkan ketelusan aktiviti mata wang digital di Malaysia. Senarai institusi pelaporan baharu disiarkan dalam laman sesawang Bank.

Satu perkembangan penting untuk memupuk persekitaran yang membolehkan penggunaan pembayaran mudah alih yang lebih meluas bagi melengkapkan kad debit sebagai pengganti wang tunai ialah penerbitan Rangka Kerja Pindahan Kredit Saling Boleh Kendali (Interoperable Credit Transfer Framework, ICTF) oleh Bank, yang akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2018. ICTF menggalakkan persaingan secara kolaborasi (co-opetition) antara bank dengan pengeluar e-wang bukan bank melalui kerjasama yang dipupuk pada peringkat infrastruktur untuk meluaskan capaian rangkaian dan mengurangkan kos, di samping menggalakkan persaingan pada peringkat produk untuk meningkatkan tahap perkhidmatan dan pengalaman pelanggan yang tersendiri. Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet), pengendali infrastruktur perkongsian pembayaran negara akan menyediakan bank dan pengeluar e-wang bukan bank yang layak, akses kepada infrastruktur pembayaran dan penjelasan secara terbuka dan saksama. Perkhidmatan ini akan dipermudahkan lagi dengan adanya Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform, RPP), yang dirancang pelancarannya oleh PayNet pada suku ketiga 2018. RPP menyediakan kemudahan pembayaran antara akaun bank dengan akaun e-wang melalui penggunaan pengenal pasti lazim (contohnya nombor telefon mudah alih, nombor Kad Pengenalan atau nombor pendaftaran perniagaan) dan kod Respons Pantas Seragam (Quick Response (QR) Code).

Pada bulan Januari 2018, Bank juga menerbitkan keperluan pengurusan risiko kredit yang telah diperkukuh bagi institusi kewangan. Piawaian yang disemak semula itu bertujuan untuk meningkatkan lagi amalan pengurusan risiko kredit di seluruh industri berikutan peningkatan penawaran pelbagai produk, pengembangan operasi institusi kewangan di luar negeri dan peranan pasaran modal yang lebih besar sebagai sumber alternatif pembiayaan terutamanya bagi syarikat besar. Keperluan di bawah piawaian yang lebih baik ini akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2018 untuk institusi perbankan. Keperluan ini juga akan digunakan buat kali pertama oleh syarikat induk kewangan, penanggung insurans dan pengendali takaful, dengan tempoh peralihan yang lebih panjang sehingga 1 Julai 2019 dan 1 Januari 2021 untuk mematuhi piawaian tersebut.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan dan memelihara budaya yang kukuh dan beretika dalam institusi kewangan, mulai 1 Julai 2018, institusi kewangan dikehendaki menjalankan saringan mandatori terhadap bakal kakitangan baharu. Ini melibatkan usaha mendapatkan maklumat bakal kakitangan daripada majikan lama dan semasa. Semua institusi kewangan juga dikehendaki menyiasat kes salah laku kakitangan mereka, serta menyimpan rekod dan mendedahkan maklumat yang relevan untuk tujuan semakan rujukan pekerjaan. Penambahbaikan untuk rekod latar belakang tingkah laku setiap kakitangan ini adalah bertujuan untuk memudahkan institusi kewangan membuat keputusan berkaitan dengan pengambilan kakitangan berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Prospek Makroekonomi

SOROTAN PENTING

- **Pertumbuhan global berkembang pada kadar yang lebih pantas pada tahun 2018, disokong oleh pertumbuhan serentak ekonomi maju dan ekonomi yang sedang pesat membangun.**
- **Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka terus menggalakkan pada tahun 2018.**
- **Inflasi keseluruhan dijangka menjadi sederhana pada tahun 2018 disebabkan terutamanya oleh sumbangan yang lebih kecil daripada faktor kos global dan kadar pertukaran ringgit yang lebih kukuh berbanding tahun 2017.**

Pertumbuhan global berkembang pada kadar yang lebih pantas


Pertumbuhan global dijangka bertambah kukuh pada tahun 2018. Prospek ini disokong oleh pertumbuhan serentak ekonomi maju dan ekonomi yang sedang pesat membangun.

Dalam ekonomi maju, aktiviti ekonomi akan disokong oleh peningkatan keadaan pasaran pekerja yang berterusan, dengan jangkaan pertumbuhan upah akan meningkat dan seterusnya merangsang penggunaan swasta. Di AS, kelulusan Akta Potongan Cukai dan Pekerjaan akan menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam jangka masa terdekat, kerana perniagaan mendapat manfaat daripada potongan cukai korporat dan peningkatan potongan untuk perbelanjaan modal. Perbelanjaan awam dijangka lebih tinggi, berikutan perjanjian bajet dwipartisan pada bulan Februari 2018.

Rantau Asia akan terus mendapat manfaat daripada permintaan domestik yang kukuh dalam ekonomi maju melalui saluran perdagangan. Langkah fiskal yang bersifat pengembangan, iaitu perbelanjaan infrastruktur yang lebih tinggi, akan melengkapkan kekuatan permintaan luar negeri sepanjang tahun 2018.

Pertumbuhan yang meningkat diunjurkan merentas rantau


Rajah 35: Pertumbuhan KDNK



Sumber: Prospek Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (April 2018)

Penunjuk utama menyarankan ekonomi dalam negeri terus berkembang


Rajah 36: Indeks Pelopor Komposit



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Sentimen Pengguna terus bertambah baik

Rajah 37: Indeks Sentimen Pengguna dan Keadaan Perniagaan MIER



Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko terhadap prospek pertumbuhan global. Risiko yang memberikan kesan positif termasuk pertumbuhan pelaburan yang lebih tinggi daripada jangkaan disebabkan oleh dasar fiskal prokitaran di Amerika Syarikat dan pertumbuhan upah yang lebih tinggi dalam ekonomi maju. Ini juga boleh membawa kepada limpahan positif ke seluruh dunia melalui perdagangan. Di sisi negatifnya, risiko yang ketara berpunca daripada konflik perdagangan antara ekonomi utama. Walaupun kesan langsung daripada langkah yang dilaksanakan setakat ini dijangka kecil, peningkatan ketegangan semasa boleh melemahkan sentimen pelabur, seterusnya mencetuskan volatiliti dalam pasaran kewangan. Ketidakpastian dari segi masa, kadar dan magnitud untuk mengembalikan dasar monetari ke paras yang wajar dalam ekonomi utama, potensi kebalikan aliran modal dalam pasaran ekonomi yang sedang pesat membangun, dan peningkatan ketegangan geopolitik secara tiba-tiba juga menimbulkan risiko negatif kepada prospek ekonomi global.

Ekonomi Malaysia dijangka terus mencatat pertumbuhan yang menggalakkan pada tahun 2018

Pada tahun 2018, pertumbuhan dijangka terus menggalakkan dengan permintaan domestik terus menjadi pemacu utama pertumbuhan. Prospek pertumbuhan positif disokong oleh limpahan berterusan daripada sektor luaran kepada aktiviti ekonomi dalam negeri. Prestasi perdagangan dijangka mendapat manfaat daripada permintaan global yang lebih baik, kapasiti pengeluaran eksport baharu dan dedahan kepada kitaran teknologi global.

Di peringkat domestik, petunjuk utama seperti Indeks Pelopor Komposit Jabatan Perangkaan Malaysia, Indeks Keadaan Perniagaan MIER dan Indeks Sentimen Pengguna MIER menunjukkan pengembangan ekonomi yang berterusan. Penggunaan swasta akan dijana oleh pertumbuhan upah dan pekerjaan yang berterusan, dengan sokongan daripada langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan. Aktiviti pelaburan akan disokong oleh perbelanjaan modal untuk projek baharu dan yang sedang dalam pelaksanaan di tengah-tengah sentimen perniagaan yang positif.

Inflasi keseluruhan dijangka menjadi sederhana pada tahun 2018 disebabkan terutamanya oleh sumbangan yang lebih kecil daripada faktor kos global

Bagi keseluruhan tahun 2018, inflasi keseluruhan dijangka berada pada purata antara 2 hingga 3% berikutan jangkaan sumbangan yang lebih kecil daripada faktor kos global dan kadar pertukaran ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan tahun 2017.

Walaupun inflasi dijangka sederhana pada tahun 2018, trajektori inflasi keseluruhan akan bergantung kepada harga minyak global yang masih amat tidak menentu. Khususnya, risiko kenaikan harga minyak global pada tempoh terdekat telah meningkat, disebabkan ketegangan geopolitik yang semakin meruncing di Timur Tengah dan potensi pelanjutan perjanjian pengurangan pengeluaran minyak oleh OPEC.

Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, juga dijangka kekal sederhana pada tahun 2018, disebabkan oleh kesan pindahan kos yang lebih kecil kepada harga runcit berbanding dengan tahun sebelumnya. Dengan ketiadaan tekanan upah yang berterusan dan menyeluruh, serta pelaburan yang berterusan untuk pengembangan kapasiti, tekanan inflasi yang didorong oleh permintaan dijangka dapat dikekang.

Rencana Khas

Memantapkan Kualiti dan Ketelusan Perkhidmatan kepada Pengguna Kewangan

Oleh: Aidora Mubarak dan Nor Amalia Che Azhar

SOROTAN PENTING

- **Usaha terus digembleng oleh institusi perbankan dan Bank Negara Malaysia untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan perbankan supaya pengguna kewangan dapat menikmati pengalaman perbankan yang lebih memuaskan.**
- **Pada tahun 2017, Piagam Perkhidmatan Pelanggan yang ditambah baik telah diterbitkan dan kaji selidik Indeks Kepuasan Pelanggan telah dijalankan untuk sektor perbankan.**
- **Piagam Perkhidmatan Pelanggan yang ditambah baik itu dan kewujudan Indeks Kepuasan Pelanggan dijangka akan terus meningkatkan kualiti dan ketelusan perkhidmatan perbankan kepada pengguna kewangan. Ini berlaku melalui persaingan yang lebih sihat dalam kalangan bank dan aktivisme pengguna kewangan yang semakin meningkat.**
- **Sektor perbankan mencatat Indeks Kepuasan Pelanggan keseluruhan sebanyak 74.3 berbanding dengan tahap kecemerlangan global pada 80.0.**

Pengenalan


Penyampaian perkhidmatan pelanggan yang berkualiti tinggi dan telus oleh penyedia perkhidmatan kewangan (financial service providers, FSP) merupakan faktor penting bagi memastikan pengguna kewangan terus percaya dan yakin dengan sistem kewangan. FSP mampu merebut kelebihan bersaing dengan memperteguh kesetiaan pelanggan menerusi langkah menyediakan perkhidmatan yang memenuhi kehendak dan melampaui jangkaan pelanggan. Usaha ini amat penting terutamanya dalam persekitaran semasa yang berlatarkan persaingan sengit dari dalam dan luar industri kewangan, apabila institusi kewangan bukan bank dan penyedia teknologi kewangan mula menawarkan lebih banyak pilihan kepada pengguna kewangan.

Demi menggalakkan dan mengekalkan tahap ketelusan dan kualiti yang tinggi dalam penyampaian perkhidmatan oleh FSP kepada pengguna kewangan, Saranan 5.2.7 daripada Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 menyokong penerbitan piagam pelanggan oleh semua FSP. Saranan ini termasuk, penetapan proses untuk mengukur prestasi apabila dibandingkan dengan piagam yang diterbitkan. Seiring dengan saranan ini, institusi perbankan melalui Persatuan Bank Bank Dalam Malaysia (ABM) dan Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM), telah menjalin kerjasama dengan Bank Negara Malaysia (Bank) untuk menerbitkan Piagam Perkhidmatan Pelanggan yang ditambah baik dan menjalankan kaji selidik Indeks Kepuasan Pelanggan ke atas perkhidmatan perbankan pada tahun 2017.

Penerbitan Piagam Perkhidmatan Pelanggan

Dalam satu usaha yang diterajui oleh ABM, Piagam Perkhidmatan Pelanggan julung-julung kalinya diterbitkan oleh semua bank pada tahun 2011. Meskipun Piagam itu telah wujud, 60.0% daripada aduan yang diterima oleh Bank daripada pelanggan perbankan antara tahun 2011 dan 2016 adalah berkisar tentang ketidakcekapan operasi dan perkhidmatan pelanggan yang lemah.

Gambar Rajah 1: Empat Teras Piagam yang Baharu Memberi Tumpuan kepada Kualiti Perkhidmatan



Sumber: Persatuan Bank Bank Dalam Malaysia dan Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia

Hasil pemerhatian ini dan bagi menggambarkan jangkaan yang lebih tinggi dalam kalangan pihak pengguna kewangan terhadap kualiti perkhidmatan, ABM dan AIBIM telah memperkenalkan Piagam Perkhidmatan Pelanggan yang baharu untuk sektor perbankan pada bulan September 2017. Piagam yang baharu ini memberikan tumpuan kepada kualiti perkhidmatan berdasarkan empat teras utama (Gambar Rajah 1). Piagam tersebut membentangkan piawaian perkhidmatan yang lebih khusus dan boleh diukur, termasuk komitmen oleh bank untuk mematuhi piawaian minimum yang boleh diterima bagi jangka masa yang ditetapkan untuk menyediakan perkhidmatan perbankan yang lazim dan rutin. Misalnya pembukaan akaun, pemprosesan permohonan pinjaman dan pengendalian aduan.

Kaji selidik Indeks Kepuasan Pelanggan (Customer Satisfaction Index, CSI)

Kaji selidik CSI telah dijalankan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia untuk menilai jangkaan dan pengalaman sebenar pengguna kewangan apabila menerima perkhidmatan perbankan bersandarkan piawaian yang ditetapkan dalam Piagam baharu. Kaji selidik itu turut mewujudkan CSI untuk sektor perbankan, dan prestasi setiap bank boleh ditanda aras berdasarkan CSI tersebut. Kaji selidik CSI akan dijalankan sekali setiap dua tahun. Lapan belas[1] bank ahli ABM dan AIBIM yang mempunyai perniagaan perbankan runcit bersaiz besar turut serta dalam kaji selidik tersebut. Kerja lapangan untuk kaji selidik itu dilakukan antara bulan Oktober dan November 2017, dan melibatkan seramai 4,500 responden (250 responden untuk setiap bank) di seluruh Malaysia.

CSI diukur mengikut skala daripada 0 hingga 100, berdasarkan model CSI Amerika (American CSI, ACSI). Ia menilai jangkaan dan pengalaman sebenar pelanggan perbankan berdasarkan 16 penunjuk yang diperluaskan daripada empat teras Piagam baharu.


Berbanding dengan penanda aras global untuk perkhidmatan perbankan cemerlang pada skor 80.0, CSI untuk sektor perbankan Malaysia bagi tahun 2017 mencatat skor 74.3. Dalam kalangan bank-bank yang menyertai kaji selidik itu, diperhatikan bahawa perbezaan antara skor CSI adalah kecil, iaitu dalam julat antara 70.71 dengan 76.54 (Rajah 1). Memandangkan kaji selidik tidak bertanya secara mendalam dan mengawal perbezaan pada tahap jangkaan yang diharapkan oleh pelanggan di bank-bank yang

[1] 18 bank tersebut adalah:
- Kumpulan perbankan (merangkumi bank perdagangan dan Islam bagi kumpulan perbankan di Malaysia) – (1) Kumpulan Affinbank, (2) Kumpulan Alliance, (3) Kumpulan AmBank, (4) Kumpulan CIMB, (5) Kumpulan Hong Leong, (6) Kumpulan HSBC, (7) Kumpulan Maybank, (8) Kumpulan OCBC, (9) Kumpulan Public Bank, (10) Kumpulan RHB Banking dan (11) Kumpulan Standard Chartered;
- Bank-bank asing yang diperbadankan di Malaysia – (12) Citibank dan (13) United Overseas Bank; dan
- Bank-bank Islam secara sendiri – (14) Agrobank, (15) Al Rajhi, (16) Bank Islam, (17) Bank Muamalat dan (18) Bank Rakyat.

berbeza, perlu diingat bahawa keputusan itu mungkin dipengaruhi oleh perbezaan-perbezaan ini. Usaha telah diambil untuk menetapkan gambaran demografi yang sebanding bagi responden untuk setiap bank, justeru perbezaan ini tidak dianggap ketara. Walau bagaimanapun perkara ini boleh diperhalusi untuk kaji selidik pada masa hadapan.

Penerbitan skor CSI dijangka memacu peningkatan yang mampan dalam kualiti perkhidmatan untuk sektor perbankan di Malaysia. Dapatan daripada kaji selidik CSI turut memberi panduan kepada sektor perbankan untuk mengenal pasti dan melaksanakan langkah kolektif yang mampu memperbaiki kualiti perkhidmatan. Hal ini terutamanya relevan dalam konteks peningkatan infrastruktif industri dan peningkatan proses yang bergantung pada pihak ketiga. Kaji selidik CSI yang seterusnya akan dijalankan pada tahun 2019.

Rajah 1: Perbezaan Kecil dalam Skor CSI Sepatutnya Mendorong Bank untuk Terus Bersaing bagi Mencapai Tahap Kepuasan Pelanggan yang Lebih Tinggi



Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia

Berdasarkan maklum balas responden, bidang yang mencatat skor tertinggi mengikut kepuasan pelanggan adalah (Rajah 2):

- sikap kakitangan perbankan yang berbudi bahasa dan sedia membantu (75.9);
- menepati masa apabila menyelesaikan urus niaga (75.3); dan
- kakitangan mempunyai pengetahuan dan pemahaman tentang keperluan kewangan pelanggan dan menawarkan penyelesaian yang sesuai (75.2).

Sebaliknya, bidang yang diberikan skor paling rendah adalah:

- ketelusan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan kepada pelanggan pada masa penjualan (73.6); dan
- kemudahan mendapatkan produk dan perkhidmatan baharu/tambahan (73.6)

Beberapa kajian global yang dijalankan kebelakangan ini telah mengenal pasti pemacu penting bagi kepuasan pelanggan dalam perkhidmatan perbankan runcit, antaranya kakitangan bank yang cekap dan mahir, kualiti produk dan perkhidmatan yang ditawarkan, kemudahan melaksanakan urus niaga perbankan (yang mencakupi pengalaman digital yang positif dalam berinteraksi dengan bank) dan ketepatan masa perkhidmatan. Apabila pemacu ini dapat ditangani, kemungkinan besar tahap kepuasan pelanggan dan kesetiaan yang lebih tinggi dapat dicapai.

Keputusan kaji selidik CSI menunjukkan bahawa meskipun sektor perbankan Malaysia mencatat prestasi yang agak baik berbanding dengan jangkaan pelanggan dari segi adanya kakitangan yang cekap untuk membantu dan memberi nasihat kepada pelanggan dan menyampaikan perkhidmatan

menurut garis masa yang dijangkakan, bidang yang berikut perlu diberi lebih perhatian untuk memantapkan kepuasan pelanggan:

- memastikan produk dan perkhidmatan yang diberikan memenuhi kehendak pelanggan;
- memperkayakan pengalaman digital (melalui internet dan perbankan mudah alih) supaya pelanggan lebih mudah mengakses perkhidmatan perbankan; dan
- meningkatkan tahap profesionalisme kakitangan, terutamanya bagi menyediakan nasihat yang boleh dipercayai dan mengurus perhubungan pelanggan secara proaktif merentas semua segmen pelanggan.

Rajah 2: Peningkatan yang Berterusan Diperlukan terhadap Semua Aspek Perkhidmatan Pelanggan demi Mencapai Tahap Kecemerlangan yang Lebih Tinggi



Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia

Pengendalian aduan

Dalam usaha mendapatkan pandangan tambahan mengenai kualiti perkhidmatan pelanggan, responden ditanya bagaimana bank mereka mengendalikan aduan. Antara 183 responden yang membuat aduan kepada bank dalam tempoh tiga bulan sebelum itu, 47.5% menganggap aduan mereka telah ditangani dengan baik dan 39.9% memberi penarafan pada tahap yang sederhana bagi pengendalian aduan. Baki 12.6% menyatakan bahawa aduan mereka tidak ditangani dengan memuaskan. Cadangan khusus yang diberikan oleh responden untuk bank memastikan pengalaman yang lebih positif dalam menangani aduan pelanggan termasuklah:

- memastikan kakitangan berbudi-bahasa, ramah, bertanggungjawab dan cekap dalam memahami dan menangani/menyelesaikan aduan dengan berkesan;
- memastikan aduan yang tidak dibuat secara bersemuka (misalnya aduan yang dibuat melalui panggilan telefon atau e-mel) ditangani dengan pantas;
- mempermudah proses untuk membolehkan pengadu segera menghubungi bahagian/kakitangan yang betul;
- berusaha sedaya-upaya untuk menyediakan penyelesaian pada titik hubungan yang pertama. Jika tindakan susulan diperlukan, bank hendaklah memperakui dan menyediakan laporan kemas kini secara tetap dan bermakna mengenai status aduan dan cuba menyelesaikannya dengan segera; dan
- memastikan cawangan bank mempunyai sumber yang mencukupi dan kuasa yang sesuai untuk menyelesaikan aduan tanpa perlu merujuk kepada ibu pejabat bank di Kuala Lumpur.

Pengalaman pelanggan – kecekapan saluran penyampaian perkhidmatan


Kaji selidik CSI juga cuba menentukan pengalaman pengguna kewangan dalam pelbagai saluran penyampaian yang disediakan oleh bank (Rajah 3). Pelanggan agak berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan melalui terminal layan diri (self-service terminals, SST)[2] dan cawangan bank, tetapi mencadangkan beberapa perkara yang boleh dipertingkatkan:

- menambah bilangan ATM dan CDM di premis bank dan di kawasan tanpa cawangan bank;
- menambah kecekapan dan masa operasi ATM dan CDM, terutamanya pada waktu puncak, hari kelepasan am dan hujung minggu. Bank hendaklah memastikan mesin yang rosak dibaiki dengan segera;
- membolehkan pengeluaran wang dalam denominasi lebih kecil daripada ATM (seperti wang kertas RM10 dan RM20); dan
- mengurangkan masa menunggu untuk urus niaga di kaunter di cawangan bank.

Perkhidmatan perbankan mudah alih dan pusat panggilan/perbankan telefon diberi penarafan agak lemah dari segi kepuasan pelanggan. Memandangkan kepuasan pelanggan banyak dipengaruhi oleh pengalaman digital yang positif, bank hendaklah memperhebatkan usaha untuk:

- memantapkan fungsi aplikasi perbankan mudah alih supaya lebih tangkas dan pantas memberi maklum balas terhadap keperluan pelanggan yang berubah-ubah;
- menjadikan aplikasi perbankan mudah alih lebih mesra pengguna; dan
- mempertingkatkan tahap dan kualiti sokongan pelanggan di pusat panggilan bank.

Rajah 3: Pengalaman Pengguna Kewangan Mengenai Saluran Penyampaian Perkhidmatan Boleh Dipertingkatkan Lagi



Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia

[2] SST terdiri daripada mesin wang tunai automatik (automated cash machines, ATM), mesin deposit tunai (cash deposit machines, CDM) dan mesin deposit cek.

Implikasi untuk strategi bank

Maklum balas daripada kaji selidik mengemukakan berapa implikasi penting terhadap strategi bank dalam usaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan.

- **Memperhalus profil dan keperluan terhadap kakitangan yang berurusan dengan pelanggan bagi memberikan penekanan kepada aspek mengutamakan pelanggan.** Langkah ini berfungsi untuk memacu dan menjajarkan aktiviti pengambilan pekerja, struktur insentif dan penyelarasan merentas fungsi perniagaan untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Bank juga wajar memperkenalkan bidang kecekapan baharu dan unik untuk membezakan mereka daripada para pesaing. Contohnya, kakitangan yang berurusan dengan pelanggan yang bukan sahaja pantas memberikan respons kepada pelanggan, tetapi juga mampu memberikan pendapat bernas tentang perilaku pelanggan selepas berinteraksi dengan mereka. Hal ini dapat menghasilkan idea baharu demi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan seterusnya dapat menjadi pemangkin penting bagi mengubah cara bank memenuhi keperluan pelanggan masing-masing.

- **Menyediakan tumpuan yang lebih kukuh terhadap piawaian yang konsisten.** Dalam persekitaran yang membolehkan pengalaman pelanggan dikongsi dengan mudah dan secara meluas dalam masa nyata melalui platform media sosial, piawaian yang konsisten perlu diterapkan agar bank dapat membina dan mengekalkan reputasi yang teguh. Hal ini hendaklah disokong oleh piawaian perkhidmatan yang ditakrif dengan jelas dan proses yang ketat untuk menilai prestasi berdasarkan piawaian tersebut. Sesetengah institusi kewangan mengehendaki kakitangan yang berurusan dengan pelanggan menjalani proses akreditasi berdasarkan piawaian kualiti perkhidmatan dan prestasi yang ditanda aras pada peringkat dunia. Usaha ini bertujuan untuk meyakinkan pengurusan bahawa organisasi, melalui kakitangannya, berupaya menyampaikan piawaian kualiti perkhidmatan yang tinggi dan konsisten di seluruh organisasi. Langkah ini juga boleh digunakan dengan berkesan untuk mengenal pasti dan merapatkan jurang pembangunan pada peringkat individu.

- **Menerapkan penyelesaian berfokuskan teknologi dalam perkhidmatan pelanggan.** Had dari segi dalaman (ekoran kekangan pekerja dan sistem legasi) perlu difahami dengan mendalam dan ditangani oleh bank untuk memanfaatkan teknologi dengan lebih berkesan bagi mempertingkatkan tahap perkhidmatan pelanggan. Hal ini berkemungkinan besar akan melibatkan pertimbangan semula strategi persaingan, dengan kerjasama strategik merentas industri (contohnya untuk menerapkan piawaian teknologi bersama dan membangunkan platform bersama) dan peranan syarikat teknologi kewangan (fintech) yang semakin menyerlah dalam sektor perbankan. Beberapa bank telah mengambil langkah mengikut hala tuju ini seperti yang terbukti dengan kewujudan makmal inovasi untuk membangunkan penyelesaian teknologi bagi meleraikan isu perkhidmatan pelanggan yang telah dikenal pasti.

- **Memperkemas maklumat dan proses aliran kerja bagi menyediakan pengalaman perbankan yang lancar.** Maklumat dan aliran kerja yang cekap menjadi tunggak di sebalik perkhidmatan pelanggan yang cemerlang. Pada dasarnya usaha ini adalah untuk menentukan sejauh mana bank boleh memberi respons dengan pantas, tepat dan menyeluruh terhadap sesuatu isu atau keperluan pelanggan. Bank-bank perlu terus menyemak pengaturan sedia ada demi memastikan aliran kerja yang lancar dan cekap dan akses yang menepati masa terhadap maklumat pelanggan yang berkualiti tinggi di dalam bank. Sistem maklum balas hendaklah diwujudkan untuk menyebarkan hasil semakan tersebut.

Kesimpulan

Piagam Perkhidmatan Pelanggan yang baharu dan kaji selidik CSI bertujuan memperkukuh hala tuju dan mengekalkan tumpuan bank ke arah usaha untuk terus mempertingkatkan kualiti dan ketelusan perkhidmatan perbankan kepada pengguna kewangan. Piagam itu berfungsi untuk memperkasakan pengguna dan memberikan tanggungjawab kepada bank bagi memenuhi piawaian perkhidmatan yang telah mereka janjikan kepada pelanggan. Pemerhatian daripada kaji selidik memberikan pandangan berharga untuk bank mempertimbangkan dan melaksanakan strategi khusus, bukan sekadar

untuk memenuhi, malah untuk melampaui jangkaan pelanggan. Strategi sedemikian juga harus mencerminkan perubahan lebih asas yang wajar dilaksanakan dalam bank untuk menyampaikan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang.

Piagam baharu tersebut dan ringkasan eksekutif kaji selidik CSI boleh didapati di laman web ABM (www.abm.org.my) dan AIBIM (www.aibim.com). Pengguna kewangan juga boleh mengakses Piagam setiap bank di laman web dan cawangan bank masing-masing.

Rujukan

Bank Negara Malaysia (2011): 'Recommendation 5.2.7', Financial Sector Blueprint 2011-2020, Page 159-160.

Association of Banks in Malaysia (2011): Customer Service Charter.

Association of Banks in Malaysia and Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia (2017): Customer Service Charter – Service Standards.

Malaysia Productivity Corporation and Market Insights (2018): Executive Summary of Customer Satisfaction Index 2017.

CFI Group (2016): Bank Satisfaction Barometer 2016 (BSB).

Accenture (2015): Banking Customer 2020: Rising Expectations Point to the Everyday Bank.

Tambahan

Jadual 1:

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2017 (%)	2017			2018
		S1	S4	Tahun	S1
		Pertumbuhan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	92.2	7.7	6.2	6.5	4.1
Sektor Swasta	*71.1*	8.2	7.4	7.5	5.2
Penggunaan	*53.7*	*6.7*	*7.0*	*7.0*	*6.9*
Pelaburan	*17.4*	*12.9*	*9.2*	*9.3*	*0.5*
Sektor Awam	*21.0*	5.8	3.4	3.3	-0.1
Penggunaan	*13.0*	*7.5*	*6.8*	*5.4*	*0.4*
Pelaburan	*8.0*	*3.2*	*-1.4*	*0.1*	*-1.0*
Eksport Bersih	7.7	-15.3	2.3	-1.9	62.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*72.8*	*9.8*	*6.7*	*9.4*	*3.7*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*65.1*	*13.0*	*7.3*	*10.9*	*-2.0*
KDNK	**100.0**	**5.6**	**5.9**	**5.9**	**5.4**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.7**	**1.0**	**-**	**1.4**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2:

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

Pertumbuhan tahunan (%)	Bahagian 2017 (%)	2017			2018
		S1	S4	Tahun	S1
Perkhidmatan	54.5	5.8	6.2	6.2	6.5
Perkilangan	23.0	5.6	5.4	6.0	5.3
Perlombongan	8.4	1.4*	-0.3	1.0	0.1
Pertanian	8.2	8.4*	10.7	7.2	2.8
Pembinaan	4.6	6.6*	5.9*	6.7	4.9
KDNK Benar	**100.0[1]**	**5.6**	**5.9**	**5.9**	**5.4**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import
* Semakan semula

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3:

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2017 (%)	2017			2018
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Eksport Kasar	**100.0**	**21.4**	**12.4**	**18.9**	**5.8**
Perkilangan	82.1	19.5	14.2	18.9	8.2
E&E	*36.7*	*18.4*	*14.7*	*19.2*	*11.8*
Bukan E&E	*45.4*	*20.3*	*13.7*	*18.6*	*5.5*
Berasaskan sumber	*22.9*	*29.9*	*9.9*	*19.3*	*0.6*
Bukan berasaskan sumber	*22.5*	*11.4*	*17.8*	*18.0*	*10.7*
Komoditi	17.0	27.7	4.3	17.2	-4.8
Pertanian	*8.4*	*29.6*	*-2.1*	*10.9*	*-9.9*
Mineral	*8.6*	*25.9*	*10.8*	*23.9*	*-0.1*
Import Kasar	**100.0**	**27.7**	**14.4**	**19.9**	**-0.8**
Barangan pengantara	57.1	27.8	9.0	20.0	-10.5
Barangan modal	13.8	42.1	17.1	15.3	-13.0
Barangan penggunaan	8.5	4.0	4.7	6.1	2.3
Lain-lain (termasuk eksport semula dan barangan dua kegunaan)	20.6	29.5	32.4	30.2	37.3
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**-**	**1.9**	**27.7**	**97.2**	**33.4**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4:

Destinasi Eksport Malaysia

	Bahagian 2017 (%)	2017			2018
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Kesatuan Eropah (EU)	**10.2**	**22.2**	**11.0**	**19.4**	**5.2**
Jepun	**8.0**	**18.4**	**10.3**	**17.5**	**-5.8**
Amerika Syarikat	**9.5**	**11.9**	**7.9**	**10.5**	**2.1**
ASEAN[1]	**29.2**	**23.8**	**12.2**	**18.0**	**2.4**
Timur Laut Asia	**24.2**	**23.9**	**21.5**	**25.3**	**21.7**
Republik Rakyat China	*13.5*	*39.8*	*11.8*	*28.0*	*0.3*
Hong Kong SAR	*5.1*	*10.0*	*51.2*	*26.8*	*82.8*
Korea	*3.1*	*-2.1*	*34.0*	*24.8*	*22.8*
China Taipei	*2.5*	*13.8*	*6.2*	*11.3*	*25.6*
Asia Barat[2]	**2.7**	**6.8**	**1.6**	**10.6**	**-11.8**
India	**3.7**	**13.8**	**-5.3**	**8.0**	**9.9**
Jumlah Eksport	**100.0**	**21.4**	**12.4**	**18.9**	**5.8**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam, Vietnam, Kemboja, Myanmar dan Laos
[2] Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestine, Yemen dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5:

Imbangan Pembayaran[1]

	2017			2018
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Akaun Semasa	4.8	13.9	40.3	15.0
(% daripada PNK)	1.5	4.0	3.1	4.5
Barangan	25.0	34.1	116.8	35.7
Perkhidmatan	-6.2	-7.0	-22.8	-5.8
Pendapatan primer	-10.1	-8.4	-36.4	-10.2
Pendapatan sekunder	-3.9	-4.8	-17.3	-4.7
Akaun Kewangan	**-8.3**	**6.0**	**3.8**	**15.2**
Pelaburan langsung	9.2	5.3	16.1	10.7
Aset	*-2.1*	*-0.6*	*-24.9*	-3.1
Liabiliti	*11.3*	*5.9*	*41.0*	13.8
Pelaburan portfolio	-32.4	11.6	-12.3	-2.6
Aset	*-9.0*	*3.5*	*-16.4*	-10.5
Liabiliti	*-23.4*	*8.1*	*4.1*	7.9
Derivatif kewangan	0.6	-1.5	-0.1	0.8
Pelaburan lain	14.2	-9.5	0.1	6.4
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	1.3	-17.7	-27.6	-12.0
Imbangan Keseluruhan	**-2.2**	**2.1**	**16.4**	**18.2**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 6:

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2017		2018
	akhir-Mac	akhir-Dis	akhir-Mac
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	**894.2**	**879.8**	**893.4**
Bersamaan dengan USD bilion	*200.1*	*214.6*	*229.0*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota[1]	169.0	152.7	142.2
Peminjaman antara bank[1]	211.6	172.6	168.0
Pinjaman antara syarikat[1]	137.3	126.1	126.0
Pinjaman[1]	37.3	49.6	81.7
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	176.4	207.4	210.2
Deposit bukan pemastautin	77.8	91.1	87.8
Lain-lain[2]	84.7	80.4	77.6
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	488.4	500.4	495.7
Jangka pendek	405.7	379.3	397.7
Denominasi mata wang			
Ringgit	271.8	302.9	310.6
Asing	622.4	576.9	582.8
Jumlah hutang/KDNK (%)	66.1	65.0	61.8
Hutang jangka pendek/Jumlah hutang (%)	45.4	43.1	44.5
Rizab/Hutang jangka pendek (kali)	1.0	1.1	1.1[3]

[1] Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.
[3] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 30 April 2018.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 7:

Pembiayaan Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

	2017			2018	2017			2018
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	Pertukaran pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
Jumlah pembiayaan bersih	**36.8**	**42.5**	**138.2**	**37.1**	**6.8**	**6.4**	**6.4**	**6.3**
Pinjaman terkumpul*[1]	15.4	22.2	63.1	18.4	6.0	3.8	3.8	3.9
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan	8.7	-2.3	8.1	8.9	7.1	1.3	1.3	1.3
PKS	*3.5*	*5.1*	*15.9*	*3.0*	*9.3*	*5.3*	*5.3*	*5.1*
Bukan PKS	*5.3*	*-7.5*	*-7.8*	*5.8*	*5.0*	*-2.5*	*-2.5*	*-2.3*
Isi rumah	8.2	16.7	46.6	11.4	5.4	4.9	4.9	5.2
Bon korporat terkumpul	21.4	20.3	75.1	18.7	9.8	15.4	15.4	14.2

* Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[1] Sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkab oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8:

Penunjuk Pinjaman

	2017			2018	2017			2018
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
Jumlah								
Permohonan pinjaman[1]	197.5	217.5	841.2	209.0	5.9	9.5	5.1	5.8
Kelulusan pinjaman[1]	87.4	104.1	380.1	90.3	15.0	11.9	10.2	3.3
Pengeluaran pinjaman[2]	292.4	306.3	1,158.3	297.0	7.6	3.4	5.0	1.6
Bayaran balik pinjaman[2]	289.4	297.1	1,146.9	293.0	5.4	6.9	6.7	1.2
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan[3]								
Permohonan pinjaman	86.4	99.9	370.1	94.2	-0.1	8.1	-1.1	9.1
Kelulusan pinjaman	40.9	51.6	177.7	39.7	17.0	11.2	8.4	-3.0
Pengeluaran pinjaman	213.8	219.7	835.9	210.2	9.1	0.9	4.8	-1.7
Bayaran balik pinjaman	210.2	216.4	834.0	206.0	5.2	5.4	6.6	-2.0
PKS								
Permohonan pinjaman	41.1	47.7	177.2	44.0	1.8	3.4	-2.5	7.0
Kelulusan pinjaman	13.9	18.5	64.6	15.1	4.0	-4.3	-2.6	8.3
Pengeluaran pinjaman	71.8	78.4	296.3	75.9	15.3	8.6	10.8	5.7
Bayaran balik pinjaman	69.8	73.4	286.1	74.7	15.4	7.9	9.8	7.0
Bukan PKS[3]								
Permohonan pinjaman	45.2	52.2	192.8	50.2	-1.8	12.7	0.2	11.0
Kelulusan pinjaman	27.0	33.1	113.1	24.6	25.0	22.2	15.9	-8.8
Pengeluaran pinjaman	142.0	141.3	539.6	134.3	6.3	-3.0	1.8	-5.4
Bayaran balik pinjaman	140.4	143.1	548.0	131.3	0.8	4.2	5.0	-6.5
Isi Rumah								
Permohonan pinjaman	111.1	117.6	471.1	114.8	11.1	10.7	10.5	3.3
Kelulusan pinjaman	46.5	52.5	202.4	50.6	13.3	12.6	11.8	8.9
Pengeluaran pinjaman	78.6	86.6	322.4	86.8	3.6	10.5	5.3	10.4
Bayaran balik pinjaman	79.1	80.6	312.9	87.0	5.9	11.1	7.1	9.9

[1] Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan sahaja
[2] Pengeluaran dan bayaran balik pinjaman bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)
[3] Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9:

Sektor Perbankan: Penunjuk Keberuntungan

	2017				2018
	S1	S2	S3	S4	S1
Pulangan atas ekuiti (%)	11.8	12.7	12.8	13.0	12.5
Pulangan atas aset (%)	1.3	1.4	1.4	1.5	1.4
	RM juta				
Pendapatan faedah bersih	11,314	11,622	11,705	11,662	12,061
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,538	2,527	2,452	3,036	2,665
Tolak: Kos operasi[1]	7,610	7,670	7,589	8,167	8,132
Keuntungan operasi kasar	6,242	6,478	6,568	6,530	6,594
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	301	823	528	415	645
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	5,941	5,655	6,040	6,115	5,949
Campur: Pendapatan lain	2,021	3,577	3,023	3,838	3,053
Untung sebelum cukai	**7,962**	**9,233**	**9,063**	**9,953**	**9,002**
	Pertumbuhan tahunan (%)				
Pulangan atas ekuiti *(mata peratusan)*	-0.5	-0.4	0.014	0.5	0.7
Pulangan atas aset *(mata peratusan)*	0.0	0.0	0.030	0.1	0.1
Pendapatan faedah bersih	6.5	9.6	9.8	5.2	6.6
Campur: Pendapatan berasaskan fi	4.3	13.0	12.4	20.0	5.0
Tolak: Kos operasi	4.6	4.6	4.1	8.1	6.9
Keuntungan operasi kasar	8.0	17.7	18.3	7.7	5.7
Tolak: Peruntukan jejas nilai dan lain-lain	-63.2	11.2	17.3	-40.2	114.5
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	19.7	18.8	18.4	13.9	0.1
Campur: Pendapatan lain	-26.3	-13.4	6.1	64.7	51.1
Untung sebelum cukai	**3.3**	**3.8**	**14.0**	**29.3**	**13.1**

[1] Merujuk kos kakitangan dan overhed
[2] Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman/Pembiayaan

Jadual 10:

Penunjuk Sektor Insurans dan Takaful

	2017				2018
	S1	S2	S3	S4	S1
	RM juta				
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	6,122	4,413	3,518	4,918	4,040
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	*495*	*762*	*654*	*783*	*563*
Nisbah tuntutan (%)	*63*	*55*	*61*	*55*	*57*
	Pertumbuhan tahunan (%)				
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	*32.4*	*67.8*	*-34.2*	*647.7*	-34.0
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	*-36.3*	*-10.6*	*-26.2*	*-12.1*	*13.8*
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	*8.8*	*-1.2*	*4.8*	*-1.7*	*-6.0*

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 11:

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2017			2018
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	46.6	64.6	220.4	54.3
% pertumbuhan tahunan	*-4.4*	*8.0*	*3.8*	*16.5*
Perbelanjaan mengurus	57.6	58.3	217.7	54.9
% pertumbuhan tahunan	*0.3*	*16.7*	*3.6*	*-4.6*
Akaun semasa	**-10.9**	**6.3**	**2.7**	**-0.6**
% daripada KDNK	***-3.4***	***1.8***	***0.2***	***-0.2***
Perbelanjaan pembangunan bersih	9.3	13.4	43.0	10.8
% pertumbuhan tahunan	*1.7*	*-1.9*	*5.9*	*15.5*
Imbangan keseluruhan	**-20.2**	**-7.2**	**-40.3**	**-11.3**
% daripada KDNK	***-6.2***	***-2.0***	***-3.0***	***-3.3***
Memo:				
Jumlah perbelanjaan bersih	66.9	71.8	260.7	65.7
% pertumbuhan tahunan	*0.5*	*12.7*	*3.9*	*-1.8*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	664.5	686.8	686.8	705.0
% daripada KDNK	*49.1*	*50.7*	*50.7*	*48.7*
Hutang Dalam Negeri	489.5	484.1	484.1	499.5
% daripada KDNK	36.2	35.8	35.8	34.5
Hutang Luar Negeri	175.0	202.8	202.8	205.5
% daripada KDNK	*12.9*	*15.0*	*15.0*	*14.2*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*156.7*	*186.2*	*186.2*	*189.6*
% daripada KDNK	*11.6*	*13.8*	*13.8*	*13.1*
Peminjaman luar pesisir	*18.3*	*16.6*	*16.6*	*15.9*
% daripada KDNK	*1.4*	*1.2*	*1.2*	*1.1*

[a] Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia